

RESEARCH PAPER (No: 36/2012)

ANALISIS SYARIAH TERHADAP PRODUK-PRODUK PELABURAN EMAS DI MALAYSIA

LOKMANULHAKIM HUSSAIN
DR. MOHAMED FAIROOZ ABDUL KHIR
MOHD BAHRODDIN BADRI
APNIZAN ABDULLAH



ANALISIS SYARIAH TERHADAP PRODUK-PRODUK PELABURAN EMAS DI MALAYSIA

*Lokmanulhakim Hussain**

Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir

Mohd Bahroddin Badri

Apnizan Abdullah

ABSTRAK

Aktiviti pelaburan emas semakin rancak di Malaysia dan disertai oleh pelbagai golongan termasuk umat Islam. Dari perspektif syariah, produk-produk dan teknik-teknik pelaburan emas perlu menepati prinsip dan hukum syarak, supaya aktiviti kewangan masyarakat Islam tidak terke luar daripada landasan agama. Kertas kajian ini ditulis bagi menganalisis beberapa produk, pelan dan teknik pelaburan emas yang aktif dijalankan di pasaran berdasarkan prinsip dan hukum-hakam perniagaan emas menurut Islam. Parameter Pelaburan Emas yang diperakukan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dirujuk sebagai panduan dalam analisis ini. Penulisan kajian ini dibuat dalam tiga bahagian utama. Bahagian pertama menjelaskan pelaburan emas secara umum dari perspektif syarak. Bahagian kedua memaparkan jenis-jenis pelaburan emas yang dijalankan di Malaysia. Bahagian ketiga pula membawakan produk, pelan atau teknik pelaburan emas untuk dianalisis dari sudut syariah dengan berpandukan kepada Parameter Pelaburan Emas. Kertas kerja ini juga memberi panduan dari sudut syariah dan undang-undang tentang isu salah nyata di dalam iklan dan risalah yang kerap berlaku dalam aktiviti pelaburan emas, serta memberi panduan tentang kaedah pelupusan harta haram jika suatu skim pelaburan emas didapati tidak patuh syariah.

Kata Kunci : Analisis Syariah, Produk Pelaburan Emas, Parameter Pelaburan Emas

* Semua penulis adalah penyelidik di Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA). Mereka boleh dihubungi melalui Lokmanulhakim Hussain di alamat email : lokman@isra.my.

1. PENDAHULUAN

Emas kini semakin mendapat tempat di hati para pelabur terutama selepas beberapa siri kemelesetan dan krisis ekonomi yang melanda dunia. Walaupun dahulunya para pelabur melihat matawang sebagai tempat selamat untuk kegiatan pelaburan, namun disebabkan kekuatan dan kekukuhan matawang adalah tertakluk kepada situasi ekonomi dan politik sesebuah kerajaan, para pelabur mula menyedari risiko yang ada dalam pelaburan matawang, dan mencari beberapa alternatif lain yang lebih menjamin perlindungan, antaranya ialah beralih kepada pelaburan emas.¹ Fenomena pelaburan emas disemarakkan lagi dengan kenaikan harga emas saban tahun yang dipercayai boleh memberi pulangan yang baik kepada para pelabur terutama untuk pelaburan jangka masa panjang.

Akhir-akhir ini, aktiviti pelaburan emas di seluruh dunia dan di Malaysia khasnya semakin rancak dan disertai oleh pelbagai golongan. Berbagai-bagai pelan pelaburan diperkenalkan oleh syarikat-syarikat pelaburan emas, dan bermacam-macam teknik pula digunakan oleh pelabur untuk memaksimumkan keuntungan melalui pelaburan emas. Dari perspektif syariah, produk-produk dan teknik-teknik pelaburan emas hendaklah dipastikan ia menepati prinsip dan hukum Islam, supaya aktiviti kewangan masyarakat Islam tidak terkeluar dari landasan syarak. Apatah lagi, tinjauan terhadap produk pelaburan emas mendapati sebahagiannya tidak menepati prinsip dan hukum asasi jual beli emas, meskipun mendapat sambutan hebat dari para pelabur Muslim. Lebih membimbangkan, ada sebahagian syarikat perniagaan dan pelaburan emas mengisytiharkan bentuk pelaburan 'Islamik', walhal operasi pelaburan yang dijalankan masih diragui dan mengandungi unsur-unsur menyalahi syarak.

Walau bagaimanapun, kebimbangan ini sedikit sebanyak reda apabila Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13-15 Oktober 2011 telah memperakukan 'Parameter Pelaburan Emas' yang mengandungi sejumlah garis panduan untuk dipatuhi oleh pelabur Muslim dalam aktiviti pelaburan emas.² Parameter yang diperakukan tersebut mencakupi syarat-syarat asas samada umum dan khusus bagi transaksi jual beli emas.

¹ Forest Capie, *Gold as a Hedge against the US Dollar*, (London: World Gold Council, Research Study No. 20, h. 5).

² Lihat: JAKIM, *Garis Panduan Yang Diperakukan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)*, 2011, h. 244-253. Parameter tersebut boleh dilayari dalam talian melalui: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/parameter-pelaburan-emas>

Kendatipun demikian, mengaplikasikan parameter-parameter tersebut ke atas produk-produk pelaburan emas bukan suatu yang mudah jika melihat kepada kepelbagaian pelan pelaburan yang ada, dan ketidakjelasan sesetengah proses transaksi yang dijalankan. Penyelidikan khusus dari aspek Syariah terhadap produk-produk pelaburan emas yang ada di pasaran perlu dijalankan bagi memberi panduan kepada masyarakat Islam yang menyertai aktiviti pelaburan ini.

Kertas kajian ini dijalankan dengan objektif untuk meneliti operasi dan perjalanan sebilangan pelan pelaburan emas yang ada di pasaran pada ketika ini, serta mengkaji sejauh manakah ketepatan dan kepatuhan aktiviti-aktiviti tersebut terhadap hukum-hukum syarak. Kertas kajian ini akan menjadikan 'Parameter Pelaburan Emas' sebagai asas dalam penentuan kepatuhan syarak, tanpa menghadkan analisis syariah kepada parameter sahaja jika perbincangan lebih mendalam diperlukan.

Kertas kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian (1) akan menjelaskan secara umum pelaburan emas dari perspektif syarak, iaitu dari sudut maqāsid syarak dan juga dari sudut hukum fiqh. Bahagian (2) kertas kajian ini akan membawakan jenis-jenis pelaburan emas yang dijalankan di Malaysia samada yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat perniagaan emas ataupun bank-bank yang menjalankan perniagaan emas. Secara umumnya ia boleh dibahagikan kepada tiga jenis utama iaitu pelaburan emas fizikal, pelaburan melalui akaun emas, dan pelaburan emas maya. Bahagian (3) yang merupakan intipati kepada kertas kajian ini akan membawakan beberapa produk, pelan atau teknik pelaburan emas untuk dianalisis dari sudut syariah dengan berpandukan kepada Parameter Pelaburan Emas.

Diharapkan agar analisis yang dijalankan terhadap beberapa produk dan teknik pelaburan emas dengan berpandukan kepada parameter dapat memberi panduan kepada masyarakat Islam yang terlibat dalam aktiviti pelaburan emas, dalam memastikan agar perolehan dan keuntungan yang dijana tidak mengandungi unsur-unsur haram atau syubhah.

2. BAHAGIAN 1: PELABURAN EMAS DARI PERSPEKTIF SYARAK

Sebelum meneliti dan menganalisa produk-produk pelaburan emas dari sudut hukum fiqh, adalah satu keperluan untuk melihat pandangan syarak berkenaan dengan aktiviti pelaburan emas dari sudut *maqāsid* (objektif) syarak.

2.1 Pelaburan Emas Dari Sudut *Maqāsid* Syarak

Emas dan perak pada asasnya merupakan dua logam yang diiktiraf oleh syarak sebagai '*thaman*'. Al-Sarakhsī menegaskan, "Kerana nilai *al-thamaniyyah*, emas dan perak diciptakan, dan dengan nilai tersebutlah hidupnya segala harta benda lain".³ Dan terbukti sehingga kini bahawa emas dianggap sebagai logam yang paling berharga, dan nilainya telah digunakan sebagai piawai untuk banyak matawang dalam sejarah.

Dengan karakternya yang mempunyai nilai *al-thamaniyyah*, terdapat pertikaian oleh sebahagian sarjana Islam tentang hukum menjadikan emas sebagai subjek pelaburan, dengan ertikata membeli emas dengan mengharapkan kenaikan harganya, untuk dijual balik pada masa hadapan dengan harga yang lebih tinggi.

Sebahagian sarjana Islam berpandangan bahawa aktiviti pelaburan emas tidak menepati objektif syarak, justeru tidak wajar ia digalakkan atau dibiarkan berkembang dalam masyarakat.

Al-Ghazālī ketika mengulas tentang golongan yang menggunakan nikmat Allah dalam perkara bukan ketaatan yang dikategorikan sebagai kufur nikmat, memberi isyarat tentang *maqāsid* syarak dalam penciptaan emas dan perak. Antara lain beliau menyifatkan emas dan perak tidak diciptakan semata-mata kerana logam itu sendiri, tetapi ia diciptakan untuk menjadi pengukur nilai bagi harta-benda lain supaya memudahkan urusan muamalat sesama manusia. Ia juga diciptakan supaya dapat bertukar tangan antara satu sama lain melalui urusan muamalat. Selain itu, emas dan perak adalah wasilah untuk memperoleh segala perkara lain, kerana logam itu sendiri adalah bersifat mulia dan tinggi sedangkan motifnya bukanlah pada logam itu sendiri.⁴

Walau bagaimanapun dari sudut fiqh, tidak ada halangan *syar'ī* untuk membeli emas pada harga rendah dengan niat untuk menjualnya pada harga tinggi, selagi syarat-syarat jual beli emas yang digariskan syarak dipatuhi.

³ Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1414H), j. 12, h. 115.

⁴ Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Beirut: Dār al-Ma'rifah), j. 4, h. 91.

Ibn ‘Uthaymīn dalam satu fatwanya membenarkan amalan membeli emas dan menyimpannya sehingga harganya naik berganda-ganda untuk dijual, selagi syarat-syarat *bay‘ al-ṣarf* dipenuhi.⁵ Fatwa yang sama juga pernah dikeluarkan oleh Ibn Bāz.⁶

Hujahnya adalah kebenaran umum yang dinaskan dalam hadis Nabi S.A.W:

الدَّهَبُ بِالذَّهَبِ، وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ، وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ، وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ، مِثْلًا بِمِثْلٍ، سَوَاءً بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ، فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَيَبْعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ

Maksud: “(Jual beli atau pertukaran) Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, dan garam dengan garam, hendaklah dengan kadar yang sama (timbangan atau sukatan), dan hendaklah beserta penyerahan bersama (oleh kedua-dua pihak). Sekiranya ia berlainan jenis, maka berjual belilah sebagaimana yang anda mahu jika dibuat secara penyerahan dari tangan ke tangan (oleh kedua-dua pihak)”.⁷

Berdasarkan kepada dalil tersebut dan juga prinsip asas dalam hukum hakam muamalat adalah harus selagi tidak ada dalil yang mengharamkannya, maka aktiviti pelaburan emas adalah dibenarkan syarak secara umumnya selagi syarat-syarat dan garis panduan *bay‘ al-ṣarf* dipenuhi.

Namun jika terdapat larangan oleh pihak berkuasa atau kerajaan terhadap sesetengah bentuk pelaburan emas bagi memelihara kemaslahatan umum dan mengelak sebarang kemudharatan awam, maka ia termasuk dalam ruang lingkup siasah *shar‘iyyah* sebagaimana ditetapkan dalam kaedah:

تَصَرَّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُوطٌ بِالمَصْلَحَةِ

Maksud: “Sesuatu yang dilakukan pemerintah ke atas rakyatnya adalah bergantung kepada *maṣlahah* (kepentingan umum)”.⁸

⁵ Lihat: http://www.ibnothaimen.com/all/books/article_16977.shtml .

⁶ Lihat: <http://www.binbaz.org.sa/mat/3900/>

⁷ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī), hadis no: 1587 j. 3, h. 1211.

⁸ Al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990), h.121.

2.2 Syarat Akad Jual Beli Emas Yang Bersifat Ribawī

Dengan karakter emas sebagai item *ribawī*, dan transaksi jual beli emas menggunakan matawang adalah termasuk dalam kategori *bay' al-ṣarf*, maka di sana terdapat beberapa syarat bagi memastikan akad jual beli emas menepati hukum syarak, iaitu:

- (i) **Berlaku serah terima (*taqābuḍ*) kedua-dua item yang dijual beli di dalam majlis akad.**

Syarat ini adalah disepakati secara ijmak oleh seluruh ulama, sebagaimana dinukilkan oleh al-Subkī :

الْعُقُودُ بِالنَّسْبَةِ إِلَى التَّقَابُضِ عَلَى أَرْبَعَةِ أَقْسَامٍ مِنْهَا مَا يَجِبُ فِيهِ التَّقَابُضُ قَبْلَ
التَّعَرُّقِ بِالْإِجْمَاعِ وَهُوَ الصَّرْفُ

Maksud: “Akad dari sudut hukum *taqābuḍ* terbahagi kepada empat bahagian. Antaranya ialah akad yang wajib berlaku *taqābuḍ* sebelum berpisah (antara dua pihak) dengan ijmak, iaitu *al-ṣarf*.”⁹

Syarat ini meliputi jual beli dua item yang sama jenis, atau yang berlainan jenis tetapi bersamaan *‘illah*. Pertukaran yang sama jenis ialah seperti jual beli emas dengan emas, dan jual beli perak dengan perak. Manakala yang berlainan jenis tetapi bersamaan *‘illah* pula ialah seperti pertukaran emas dengan perak. Hukum ini disepakati oleh ulama, sebagaimana Imam al-Nawawī menyebut:

"يَدًا بِيَدٍ" حُجَّةٌ لِلْعُلَمَاءِ كَافَّةً فِي وُجُوبِ التَّقَابُضِ وَإِنْ اخْتَلَفَ الْجِنْسُ

Maksud: “Perkataan ‘*yadan bi yadin*’ (penyerahan serentak/bersama) adalah hujah bagi seluruh ulama tentang kewajipan berlaku *taqābuḍ*, walaupun berlainan jenis”.¹⁰

Pembelian emas menggunakan matawang adalah termasuk dalam kategori *bay' al-ṣarf* yang bersamaan *‘illah* tetapi berlainan jenis.

⁹ Al-Subkī, *Takmilah al-Majmū‘*, (Beirut: Dār al-Fikr), j. 10, h. 93.

¹⁰ Al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī), j. 11, h. 14.

(ii) Akad jual beli *al-ṣarf* mesti bebas daripada pensyaratan penangguhan.

Syarat ini mewajibkan dua item (matawang emas atau perak) yang merupakan subjek *bayʿ al-ṣarf* hendaklah diserahkan secara lani (*spot*), dan mana-mana pihak yang bertransaksi tidak boleh meletakkan syarat penangguhan serahan.

Abū Saʿīd al-Khudrī meriwayatkan bahawa Nabi S.A.W bersabda:

وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِنَاجِزٍ

Maksud: “Dan jangan berjual beli item-item tersebut dengan salah satunya tiada (ketika akad) dan yang satu lagi ada (ketika akad)”.¹¹

Rasulullah S.A.W juga melarang jualbeli *al-ṣarf* secara hutang, seperti mana hadis berbunyi:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الذَّهَبِ بِالْوَرِقِ دَيْنًا

Maksud: “Rasulullah S.A.W. melarang jual beli emas dengan perak secara hutang”¹²

(iii) Akad jual beli *al-ṣarf* mesti bebas daripada *khiyār al-shart*.

Majoriti fuqaha berpendapat meletakkan syarat *khiyār* di dalam jual beli *al-Ṣarf* adalah tidak sah, dan ia membatalkan syarat dan akad sekaligus. Ini adalah mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Shāfīʿī.¹³

Manakala di dalam mazhab Ḥanbalī, pensyaratan *khiyār* tidak membatalkan akad. Sebaliknya, akad tersebut akan terlaksana secara mengikat (*binding*) jika kedua-dua pihak yang bertransaksi berpisah dari majlis akad, cuma syarat tersebut sahaja yang terbatal.¹⁴

¹¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, hadis no: 2177, j. 3, h. 74; dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no: 1584, j. 3, h. 1208.

¹² Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, hadis no. 2180, j. 3, h. 75; Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 1589, j. 3, h. 1212.

¹³ Al-Sarakhsī, *al-Mabsūṭ*, (Beirut: Dār al-Maʿrifah, 1414H), j. 14, h. 23; Ibn Rushd, *al-Muqaddimāt al-Mumahhidāt*, (Dār al-Gharb al-Islāmī, 1408H), j. 2, h. 17; al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 2, h. 24.

¹⁴ Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, j. 4, h. 3.

(iv) Persamaan kadar antara dua item yang ditukar jika bersamaan jenis.

Syarat ini hanya khas bagi pertukaran dua item yang bersamaan jenis, contohnya jual beli atau pertukaran antara emas dengan emas, atau antara perak dengan perak. Di dalam transaksi pertukaran ini, kedua-dua item hendaklah bersamaan kadar dari sudut timbangan.

3. BAHAGIAN 2: JENIS PELABURAN EMAS DI PASARAN

Dalam konteks pelaburan emas, kedapatan pelbagai jenis pelan dan teknik yang ditawarkan kepada pelabur. Namun, secara kasarnya, pelaburan emas boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama berdasarkan jenis subjek yang diniagakan atau dilaburkan. Kategori tersebut adalah seperti berikut:

3.1 Emas Fizikal

Emas fizikal yang didapati dari pembekal, pengedar atau pengeluar emas di Malaysia adalah dalam dua bentuk berikut:

- (a) Bentuk syiling emas dan jongsong emas. Syiling emas lazimnya berketulenan 24 karat atau dipanggil emas 999 dan ia boleh didapati dalam saiz-saiz seperti 1 oz, $\frac{1}{2}$ oz, $\frac{1}{4}$ oz, hingga $\frac{1}{20}$ oz. Jongsong emas dengan ketulenan sama juga boleh didapati dalam unit gram seperti 5g, 10g, 50g, dan 100g.
- (b) Barang perhiasan. Emas dengan kualiti dan berat tertentu dibuat di dalam bentuk rantai, gelang dan sebagainya. Dalam konteks pelaburan, lazimnya emas perhiasan berketulenan 24 karat atau 999 yang lebih diminati pelabur, berbanding emas 916.

3.2 Akaun Emas

Kini, terdapat produk pelaburan emas berasaskan akaun simpanan emas yang ditawarkan oleh sesetengah bank yang antara kelebihanannya ialah pemegang akaun dapat membuat keuntungan dengan kenaikan harga emas tanpa perlu menyimpan emas yang dibelinya secara fizikal.

Dengan membuka akaun ini, pelanggan tidak diberikan emas fizikal, sebaliknya kuantiti emas yang dibeli beserta nilainya direkodkan dalam buku akaun pelanggan.

Pembelian emas oleh pemegang akaun adalah berdasarkan harga jualan semasa bank, manakala jualan emas pula adalah berdasarkan harga belian semasa bank.

3.3 Emas Maya

Emas maya adalah emas yang diniagakan untuk pelaburan secara bukan fizikal. Perniagaan emas maya adalah menggunakan *platform* elektronik, seperti yang ditawarkan oleh sesetengah broker forex. Pelabur yang mempunyai akaun di broker-broker forex tertentu boleh membuat arahan belian dan jualan emas dengan harga semasa yang dipaparkan di platform, tetapi pelabur tidak boleh menuntut emas fizikal yang diberinya. Sebaliknya setiap belian emas (*open position*) akan diakhiri dengan jualan balik (*close position*), di mana pelabur hanya mendapat keuntungan atau menanggung kerugian dalam bentuk unit matawang

4. BAHAGIAN 3: ANALISIS SYARIAH TERHADAP PRODUK PELABURAN EMAS

4.1 Jual Beli Emas Secara Ansuran

Antara skim yang giat ditawarkan oleh syarikat perniagaan emas dan amat diminati oleh pelabur terutama golongan berpendapatan sederhana dan rendah ialah pembelian emas menggunakan pelan pembayaran secara ansuran. Sebahagian ejen-ejen penjual menamakan kaedah ini sebagai pelan pembayaran mudah. Modus operandinya boleh difahami dengan contoh berikut:

- (i) A ingin membeli seketul emas bar 10gm, di mana harga semasanya ialah RM1,885.00, daripada syarikat B.
- (ii) Syarikat B menawarkan pelan pembayaran ansuran, iaitu selama empat bulan, dan mengenakan caj perkhidmatan sebanyak 0.5%.
- (iii) Pada bulan pertama, A membayar RM471.25 + caj perkhidmatan sebanyak RM9.43.

- (iv) Pada 3 bulan berikutnya, A membayar sebanyak RM471.25 setiap bulan.
- (v) Setelah pembayaran terakhir diselesaikan, Syarikat B menyerahkan emas bar 10gm kepada A.

Analisis Syariah:

Penelitian terhadap kaedah pembayaran tersebut yang secara ansuran mendapati ia tidak bertepatan dengan syarak kerana wujud unsur penangguhan serahan dalam pembelian emas tersebut. Ini kerana akad pembelian telah berlaku ketika pembayaran pertama dibuat, dengan harga semasa pada waktu tersebut, tetapi berlaku penangguhan dari dua aspek;

- (i) Penangguhan sebahagian harga emas. Ini kerana di dalam contoh di atas, $\frac{1}{4}$ daripada harganya telah dibayar ketika akad, manakala selebihnya sebanyak $\frac{3}{4}$ akan dibayar secara ansuran.
- (ii) Penangguhan penyerahan emas. Ini kerana emas tidak akan diserahkan kepada pembeli sehingga penyelesaian pembayaran untuk kesemua harga emas dilakukan.

Justeru, pelan pembayaran sebegini adalah tidak bertepatan dengan syarak kerana ada unsur penangguhan kedua-dua item (emas dan sebahagian harga emas) yang boleh mengheret kepada isu *bay' al-kāli' bi al-kāli'*.

Pelan pembayaran ini menyalahi **Parameter Pelaburan Emas No. 15 dan 16**.

Walau bagaimanapun, ia boleh diIslamisasikan dengan menjadikan pembayaran secara empat kali sebagai simpanan amanah, tetapi akad jual beli masih tidak boleh dimeterai. Apabila pembayaran terakhir dibuat dan jumlahnya mencukupi harga emas, barulah dimeterai akad jual beli emas dengan harga yang dipersetujui sebelum itu.¹⁵ Dalam hal ini, apabila 'bayaran' penuh dibuat, pembeli hendaklah diberikan hak penuh sebagai pembeli samada untuk meneruskannya atau tidak.

4.2 Teknik Pelaburan Emas Melalui Manipulasi Skim Pajak Gadai

Satu teknik yang popular bagi pemain-pemain pelaburan emas ialah dengan cara manipulasi skim pajak gadai. Walaupun dahulunya, skim pajak gadai dianggap

¹⁵ Dr al-Şāwī, *Ḥukm Daf' al-Thaman 'Alā Daf' atayn*, lihat: <http://el-wasat.com/assawy/?p=3802>

sebagai kaedah mudah mendapatkan pinjaman wang segera terutama bagi golongan berpendapatan rendah, kini skim ini digunakan oleh para pelabur emas untuk mendapatkan liquiditi tambahan bagi memaksimumkan jumlah pelaburan emas mereka. Berdasarkan perkiraan antara upah simpan yang dikenakan oleh bank atau syarikat pajak gadai dengan purata kenaikan harga emas saban tahun, mereka percaya keuntungan daripada kenaikan harga emas adalah jauh lebih tinggi daripada caj upah simpan.

Teknik manipulasi skim pajak gadai dalam pelaburan emas dilakukan dengan beberapa kaedah, antaranya **kaedah membeli emas, memajak, membeli emas lagi, dan diulang beberapa kali.**

Kaedah ini bermula dengan pembelian emas fizikal yang boleh dipajak gadai untuk mendapatkan pinjaman. Melalui cara ini, pelabur menggadaikan emas yang dimiliki di pusat pajak gadai untuk mendapatkan pinjaman. Dengan pinjaman itu tadi, pelanggan membeli emas lagi lantas memajakkannya untuk mendapatkan pinjaman sekali lagi. Dengan pinjaman itu, pelabur akan membeli emas dan memajakkannya lagi, dan proses ini diulang-ulang bagi mendapat pemilikan emas semaksima yang boleh. Apabila harga emas meningkat, pelanggan tadi akan menebus kesemua emas yang dipajak tadi dan menjualnya semula di pasaran untuk mendapatkan untung.

Langkah-langkah bagi menjalankan kaedah ini adalah seperti contoh berikut:

- (i) A membeli emas sebanyak 100gm dengan harga semasa iaitu RM20,000.
- (ii) Dia meletakkan emas tersebut di pajak gadai dan mendapat pinjaman sebanyak RM14,000, dengan bayaran upah simpan untuk enam bulan sebanyak RM840. (RM0.70 untuk setiap RM100 nilai emas).
- (iii) Wang RM14,000 digunakan untuk membeli emas lagi, dan dipajak lagi untuk mendapat pinjaman sebanyak RM9,800 dengan upah simpan sebanyak RM588, dan digunakan lagi untuk membeli emas.
- (iv) Operasi ini diulang-ulang hingga ke gadaian kali keenam.
- (v) Selepas enam kali operasi ini diulang-ulang, nilai semasa keseluruhan emas yang A miliki ialah RM58,823. Jumlah pinjamannya ialah sebanyak RM41,176. Keseluruhan upah simpan bagi enam bulan ialah sebanyak RM2,471.

- (vi) Setelah tempoh matang (enam bulan), harga emas naik sebanyak 10%. Maka nilai keseluruhan emas pada waktu itu ialah RM64,705. Keuntungan kasarnya ialah sebanyak RM5882. Setelah ditolak upah simpan, **keuntungan bersih ialah sebanyak RM3,411.**

Jika A tidak menggunakan teknik pajak gadai berganda ini, dia hanya akan mendapat keuntungan sebanyak RM2000 sahaja dengan kenaikan 10% nilai emas.

Analisis Syariah:

Jika ditinjau penggunaan teknik ini dari sudut hukum fiqh, didapati bahawa tiada unsur-unsur yang bercanggahan dengan syarak sekiranya pembelian emas dilakukan dengan syarat-syaratnya terutama dari sudut pembayaran dan penyerahan emas. Ini kerana membeli emas menggunakan wang yang dipinjam daripada pihak lain adalah dibenarkan oleh syarak.

Justeru, penggunaan skim pajak gadai boleh dikatakan sebagai isu berasingan yang tidak berkaitan secara langsung dengan hukum pelaburan emas. Aspek yang perlu dilihat ialah produk pembiayaan berasaskan pajak gadai itu sendiri, adakah ia patuh syariah ataupun tidak.

Dalam hal ini, **Parameter Pelaburan Emas No. 21** hendaklah diambil perhatian.

4.3 Pembelian Emas Dengan Kaedah Penjual Memajak Emas Di Atas Nama Pembeli.

Satu lagi kaedah popular yang digunakan oleh pelabur-pelabur emas ialah kaedah membeli emas tanpa bayaran penuh, memajak di pusat pajak gadai untuk mendapatkan pinjaman, kemudian membayar sepenuhnya harga emas. Kaedah ini amat bersesuaian dan diminati oleh pelabur yang tidak mempunyai modal mencukupi untuk membeli emas. Melalui kaedah ini, penjual atau ejen akan membawa bakal pembeli ke pusat pajak gadai dan memajakkan emas atas nama pembeli, dan pinjaman yang diperolehi beserta dengan modal sendiri diserahkan kepada penjual, seterusnya emas yang digadai menjadi milik pembeli.

Modus operandinya boleh dimudahkan dengan contoh di bawah:

- (i) Harga emas pada satu masa pertama ialah RM200 bagi satu gram. Untuk membeli sebanyak 100gm, seseorang perlu mempunyai RM20,000.
- (ii) A yang hanya bermodalkan RM6,000 dibawa oleh B (penjual/ejen) ke pusat pajak gadai, dan B memajakkan emas 100gm **di atas nama A**, seterusnya A mendapat pinjaman sebanyak RM14,000 (70% daripada harga marhun).
- (iii) Dengan wang pinjaman RM14,000 ditambah modal sendiri sebanyak RM6000, A menjelaskan harga emas 100gm kepada B sebanyak RM20,000.
- (iv) A mendapat surat pajak gadai dan perlu menjelaskan hutangnya dengan pusat pajak gadai serta upah simpanan.

Analisis Syariah:

Di dalam pelan ini, perkara penting yang perlu dikenalpasti ialah bilakah berlakunya kontrak jual beli emas antara A dan B. Dua kemungkinan yang ada iaitu, ia berlaku sebelum akad *rahn* dengan pusat pajak gadai atau ia berlaku selepas akad *rahn*.

Sekiranya akad jual beli emas berlaku sebelum akad *rahn*, kemudian A meletakkan emas di pusat pajak gadai untuk mendapatkan pinjaman wang, bermakna A hanya membayar sebahagian harga emas sahaja ketika membelinya. Dalam situasi ini, A membeli emas secara ansuran dengan dua peringkat pembayaran iaitu; bayaran pertama menggunakan modalnya sendiri (iaitu RM6,000 dalam contoh di atas) dan kemudian bayaran kedua (RM14,000) selepas mendapat pinjaman dari pusat pajak gadai. Jika sekiranya antara bayaran pertama dan kedua terdapat pemisahan dari majlis akad, maka ia adalah satu bentuk penangguhan dalam serahan bayaran yang tidak dibenarkan syarak. Ini menyalahi satu syarat jual beli emas dan menyalahi **Parameter Pelaburan Emas No. 16**.

Jika sekiranya dikatakan bahawa akad jual beli emas berlaku selepas A mendapat pinjaman dari pajak gadai, maka persoalannya apakah hubungan A dengan emas yang digadai untuk mendapatkan pinjaman ketika itu? Adakah B memberi pinjam emasnya kepada A untuk digadaikan? Jika demikian, pinjaman emas adalah sama hukumnya dengan *qard*, dan ini bermasalah kerana A tidak akan memulangkan semula emas kepada B, sebaliknya membayar harga dengan wang tunai. Ia juga membawa kepada kaedah ‘setiap *qard* yang membawa manfaat (kepada pemberi *qard*) maka ia adalah riba.

Mungkin penyelesaian kepada pelan ini boleh dilakukan dengan bantuan teknikal antara dua pihak berkontrak dan pihak pajak gadai. Antaranya dengan cara A membuat pinjaman dari pajak gadai, tetapi emas masih tidak digadaikan kepada pusat pajak gadai. Pada ketika itu, A boleh membuat wa'd kepada pusat pajak gadai untuk menggadaikan emasnya. A kemudian membeli emas dari B dengan menggunakan wang pinjaman ditambah dengan wang sendirinya. Apabila selesai akad jual beli emas, barulah A menyerahkan emasnya kepada pusat pajak gadai untuk disimpan.

4.4 Teknik Jual Emas, Jamin Beli Balik, Dan Pemberian *Hibah*

Beberapa syarikat perniagaan emas menawarkan kepada pelabur-pelabur emas satu pelan yang berasaskan kepada elemen *hibah* dan jaminan beli balik. Modus operandi pelan pelaburan ini adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat menawarkan jualan emas fizikal dengan harga yang kebiasaannya lebih tinggi daripada harga pasaran.
- (ii) Pelabur yang telah membuat pembayaran penuh boleh mengambil emasnya selepas tempoh tertentu (contohnya dua hari atau selepas *cheque clearance*).
- (iii) Syarikat bersedia untuk membeli balik emas tersebut selepas tempoh matang dengan harga emas itu dijual. Tempoh matang boleh jadi tiga bulan, enam bulan dan seumpamanya.
- (iv) Pelabur akan diberikan *hibah* (hadiah) atau diskaun yang dikira secara peratusan harga belian emas, contohnya 2%, 3% dan seumpamanya. Hibah akan dibayar selama belum sampai tempoh matang.
- (v) Apabila sampai tempoh matang, pelabur diberi masa selama beberapa hari (contohnya seminggu) untuk menjual balik emas kepada syarikat dengan harga ianya dibeli.
- (vi) Dalam masa tersebut, pelabur boleh menjualnya kemudian membeli balik 'emas lain' dengan harga yang kebiasaannya lebih tinggi daripada harga pasaran semasa ketika itu, kemudian diberikan tempoh matang yang baru beserta *hibah* (hadiah) atau diskaun dan berulang kembali proses (i) sehingga (v).

- (vii) Jika pelabur mahu menjual balik kepada syarikat sebelum sampai tempoh matang, ataupun selepas habis masa tujuh hari selepas tempoh matang, syarikat hanya akan membelinya dengan harga yang lebih rendah dari harga asalnya, contohnya 80% dari harga asal.

Analisis Syariah:

Daripada pengamatan kami terhadap beberapa syarikat yang menggunakan modus operandi di atas, perkara istimewa yang terdapat di dalam pelan sebegini ialah kewujudan elemen *hibah* (hadiah) atau diskaun yang ditawarkan oleh syarikat kepada pelabur yang diberikan secara berkala dalam tempoh tertentu, dengan 'jaminan' membeli balik emas pada harga sama apabila tiba tempoh matang.

Kewujudan elemen *hibah* atau diskaun menjadikan pelan pelaburan ini lebih menarik sekalipun didapati bahawa harga emas yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat tersebut adalah lebih tinggi sedikit daripada harga emas pasaran.

Dari sudut feqah, beberapa perkara utama perlu diambil perhatian;

(a) Janji membeli balik emas apabila tiba tempoh matang.

Jika sekiranya terdapat elemen janji antara dua pihak (*muwā'adah*) untuk syarikat membeli balik emas pada masa tertentu, maka ia menyalahi syarak, dan menyamai jual beli emas bertempoh yang dilarang syarak sebagaimana disebut dalam Parameter Pelaburan Emas No. 8. Namun jika syarikat tidak memberikan apa-apa janji untuk membeli balik emas pada tempoh tertentu, maka dari sudut hukum asalnya ia adalah tidak menyalahi syarak.

(b) Pemberian *hibah*

Secara asasnya pemberian *hibah* atau diskaun yang dilakukan secara sukarela dan tidak membawa kepada unsur riba adalah dibenarkan. Ini sebagaimana **Parameter Pelaburan Emas No. 18**.

Walau bagaimanapun pemberian hibah akan menjadi riba sekiranya pembelian emas hanya semata-mata *hīlah* bagi menutup pinjaman yang dijamin dipulangkan. Dengan kata lain, jika sekiranya maksud pelabur ialah menyimpan sejumlah wang dengan syarikat, dan wang tersebut dijamin akan dipulangkan dalam jumlah yang sama, dan mengharapkan faedah dalam bentuk pemberian *hibah* atau diskaun oleh syarikat. Dalam

kes sebegini, emas adalah semata-mata *hīlah* yang dimasukkan untuk menghalalkan transaksi riba. Kemasukan *hīlah* dalam transaksi jual beli boleh diketahui jika sekiranya kewujudan emas sebagai subjek jual beli adalah tidak dimaksudkan. Sebaliknya yang dimaksudkan oleh para pelabur ialah penerimaan *hibah* daripada pelaburan sejumlah wang yang dijamin.

Namun demikian, untuk mengatakan bahawa kemasukan emas adalah sebagai *hīlah* bagi menutup transaksi riba, ia memerlukan kepada bukti atau *qarā'in*. Jika melihat kepada falsafah asal pelaburan emas, kita akan dapati bahawa di sana ada tanda menunjukkan kemasukan unsur *hīlah*.

Kerana antara falsafah utama dalam pelaburan emas adalah dua perkara: (i) Pelabur membeli emas ketika harganya rendah dengan harga pasaran, di mana pelabur tidak akan sengaja membeli emas dengan harga tinggi sedangkan ia dijual di pasaran dengan harga lebih rendah. (ii) Pelabur mengharapkan kenaikan harga emas untuk memperoleh keuntungan di kemudian hari.

Tetapi sebaliknya bagi mereka yang masuk ke dalam skim pelaburan emas ini. Kerana dari sudut harga belian, pelabur tidak mengambil perhatian terhadap harga pasaran emas. Malahan mungkin jika harganya lebih tinggi, maka ia adalah lebih baik kerana peratus *hibah* yang diberikan juga lebih tinggi dan kadarnya akan menjadi semakin banyak. Harga emas tidak penting kerana pada tempoh matang, ia akan dijual kembali dengan harga yang sama.

Manakala dari sudut falsafah dalam pelaburan emas iaitu pelabur mengharapkan kenaikan harga, pelabur yang menyertai skim ini tidak perlu mengharapkan kenaikan harga emas. Kerana jika ia dijual balik kepada syarikat pada tempoh matang, pelabur tidak mendapat apa-apa benefit daripada kenaikan harga emas kerana syarikat akan hanya membeli pada harga asalnya. Malahan, pelabur mungkin mengharapkan harga emas menurun, kerana pada tempoh matang pelabur akan menjual emas kepada syarikat pada harga asal yang lebih tinggi daripada harga pasaran ketika itu.

Dalam situasi harga emas jatuh pada tarikh matang, pelabur yang ingin membuat pembaharuan kontrak (menjual emas pertamanya dan membeli balik emas lain pada harga pasaran) akan mendapat keuntungan daripada kejatuhan harga emas. Kerana dia dapat menjual emas pertamanya dengan harga asal yang lebih tinggi dari harga pasaran, dan membeli emas baru dengan harga pasaran yang lebih rendah dari harga jualannya tadi. Sebaliknya, jika harga emas tinggi pada tempoh matang, pelabur yang

ingin membuat pembaharuan kontrak perlu menambah sejumlah wang untuk membeli emas baru kerana harganya adalah lebih tinggi dari harga pasaran yang lebih tinggi dari harga asal emas pertamanya.

Ini menyerlahkan bahawa emas yang dibeli melalui skim di atas adalah semata-mata *hilah* sekiranya harga yang dijual oleh syarikat adalah jauh lebih tinggi daripada harga pasaran.

4.5 Pelaburan Emas Hiasan

Antara kaedah pelaburan emas fizikal yang dijalankan oleh pelabur-pelabur emas ialah membeli emas perhiasan dan menyimpannya sehingga harganya naik untuk dijual dan mendapat keuntungan.

Kebiasaannya barang perhiasan wanita adalah diperbuat daripada emas berketulenan 22 karat atau dipanggil emas 916. Namun pada akhir-akhir ini, syarikat-syarikat emas mula mengeluarkan produk emas hiasan berketulenan 24 karat atau 999 yang dilihat lebih sesuai bagi tujuan pelaburan. Oleh kerana kedua-dua jenis emas perhiasan boleh dijadikan item pelaburan, maka kertas ini akan menyentuh aspek syariah bagi kedua-dua jenis emas perhiasan.

(a) Emas Perhiasan 22 Karat Atau Berketulenan 916.

Berbanding dengan pelaburan emas berketulenan 999 dalam bentuk jongkong atau syiling, pelaburan emas perhiasan 916 memakan masa yang lebih lama untuk memberikan keuntungan. Ini kerana susut nilai barang kemas adalah agak tinggi iaitu dalam lingkungan 15-30%. Harga emas perhiasan juga perlu mengambil kira kos pertukangan yang bergantung kepada kesenian dan kesukaran membentuknya.

Namun bagi sesetengah pelabur, walaupun ada kekurangan dari sudut tersebut, tetapi kelebihan ialah emas perhiasan diterima untuk diletakkan di pusat pajak gadai untuk memperoleh pinjaman dengan mudah.

Isu Syariah:

Persoalan fiqh yang berkaitan dengan pelaburan emas hiasan ialah adakah ia termasuk dalam kategori item *ribawī* yang perlu memenuhi syarat *bay' al-ṣarf*, ataupun ia sudah terkeluar dari ciri-ciri item *ribawī*, dan dianggap sebagai *sil'ah* (barangan).

Pendapat majoriti ulama dan sebahagian menukulkan ijmak bahawa emas perhiasan tetap dikira sebagai item *ribawī* yang wajib memenuhi syarat *taqābuḍ* dalam majlis akad, dan *tamāthul* jika pertukaran berlaku antara item bersamaan jenis (emas dengan emas). Maka tidak boleh ditukar antara emas perhiasan dengan emas lain samada emas perhiasan atau bukan hiasan kecuali dengan persamaan kadarnya (timbangan). Antara yang menukulkan ijmak ialah Ibn ‘Abd al-Barr di dalam kitabnya *al-Kāfi*¹⁶.

Berdasarkan pendapat majoriti ini yang mengekalkan sifat emas perhiasan sebagai item *ribawī*, pembelian emas perhiasan perlulah memenuhi syarat *taqābuḍ* ketika majlis akad.

Manakala ada segelintir ulama yang mengharuskan pertukaran emas dengan emas perhiasan dengan tidak bersamaan timbangan, iaitu dengan mengira bahawa lebih timbangan salah satu item adalah sebagai harga bagi pertukangan emas hiasan.

Pendapat ini dipilih oleh Ibn Taymiyyah yang mengatakan:

ويجوز بيع المصوغ من الذهب والفضة بجنسه من غير اشتراط التماثل، ويجعل الزائد في مقابلة الصنعة، سواء كان البيع حالاً أو مؤجلاً ما لم يقصد كونها ثمناً

Maksudnya: Dan harus menjual barang perhiasan daripada emas dan perak dengan jenisnya sendiri (emas dengan emas, atau perak dengan perak) tanpa disyaratkan bersamaan timbangan, dan dijadikan tambahan tersebut sebagai harga pertukangan, samada jual beli itu berlaku secara lani atau secara tangguh, selama mana tidak ada maksud menjadikannya sebagai matawang.¹⁷

Jika pendapat kedua ini diambil, maka hukum jual beli emas perhiasan boleh dilakukan secara tangguh dan ansuran, serta ia tidak lagi dianggap sebagai barang *ribawī*, sebaliknya sebagai *sil‘ah*.

Walau bagaimanapun, mengaplikasikan pendapat kedua ini terhadap emas-emas perhiasan yang dijual pada hari ini memerlukan kepada penelitian dari sudut adakah ‘illah yang menjadi sandaran pendapat tersebut masih wujud?

Parameter Pelaburan Emas No. 2 mengisyaratkan kepada perbahasan di atas.

¹⁶ Ibn ‘Abd al-Barr, *al-Kāfi fī Fiqh Ahl al-Madīnah*, (KSA: Maktabah al-Riyadh al-Ḥadīthiyyah, 1400H.), j. 2, h. 634.

¹⁷ Ibn Taymiyyah, *al-Mustadrak ‘alā Majmū‘ al-Fatāwa*, (n.p., 1418H), j. 4, h. 17.

(b) Emas Perhiasan 24 Karat Atau Berketulenan 999.

Melihat kepada beberapa kelemahan pelaburan emas perhiasan 916 yang antaranya ialah kenaikan harga yang agak lembab, maka timbul pula satu jenis pelaburan emas fizikal menggunakan emas perhiasan yang berketulenan 24 karat atau 999. Tinjauan di beberapa iklan pelaburan sebegini di internet mendapati bahawa harga yang ditawarkan untuk membeli emas perhiasan ini adalah hampir sama dengan harga semasa emas 999 yang berbentuk bar atau wafer. Antara kelebihan emas perhiasan jenis ini ialah selain ketulenannya, ia mudah untuk digadaikan di pusat-pusat pajak gadai.

Analisis Syariah:

Analisis terhadap pelaburan emas perhiasan 999 adalah cabang kepada analisis terdahulu berkenaan pelaburan emas perhiasan 916. Jika pendapat majoriti yang dipilih iaitu emas perhiasan 916 adalah item *ribawī*, maka dalam permasalahan ini adalah lebih aula untuk mengatakan bahawa emas perhiasan 999 merupakan item *ribawī*.

Namun jika kita memilih pandangan yang mengatakan ia bukan item *ribawī*, maka di sini kita perlu melihat kepada beberapa perkara berkenaan emas ini untuk menilai adakah karakternya bersamaan dengan emas jongkong atau bersamaan dengan emas perhiasan 22 karat. Perkara-perkara yang perlu diteliti ialah:

- (i) Adakah terdapat unsur pertukangan yang diambil kira dalam penetapan harga emas perhiasan 999?
- (ii) Adakah ia dianggap sebagai barang kemas yang sebenar ataupun ia dianggap sebagai emas yang mempunyai nilai '*al-thamaniyyah*'.

Berdasarkan tinjauan terhadap beberapa iklan jualan emas hiasan 24 karat atau 999, didapati bahawa unsur pertukangan tidak diambil kira. Jika demikian, ia adalah sama dengan emas jongkong yang merupakan item *ribawī*. Ini kerana pendapat yang menafikan unsur *riba* dalam emas hiasan adalah bersandarkan kepada harga pertukangan. Dan '*illah*' tersebut tidak wujud dalam kes emas perhiasan 999 yang mana unsur pertukangan tidak diambil kira.

Oleh itu, hukum asal bagi emas perhiasan 999, adalah ia merupakan item *ribawī* yang perlu memenuhi syarat-syaratnya, sekalipun ia dikatakan sebagai emas perhiasan. Kecuali ada bukti bahawa hukumnya sama dengan emas perhiasan 916 yang sudah dimasukkan unsur pertukangan dan terkeluar dari '*illah al-thamaniyyah*' kepada '*sil'ah*'.

4.6 Pembelian Emas Menggunakan Kad Kredit

Kad kredit sering menjadi pilihan dalam pembayaran suatu pembelian. Begitu juga dalam aktiviti pelaburan emas, antara mekanisma pembayaran yang kebiasaannya diterima pakai ialah menggunakan kad kredit. Di dalam **Parameter Pelaburan Emas No. 12** menyatakan bahawa penyerahan harga boleh dilakukan melalui beberapa kaedah, antaranya pembayaran secara kad kredit.

Kertas kajian ini akan cuba memperincikan isu syariah yang berkaitan dengan penggunaan kad kredit dalam pembayaran harga emas, kerana kad kredit sering dikaitkan dengan hutang. Maka, apakah pembelian emas melalui pembayaran kad kredit dikira sebagai pembelian secara hutang?

Berkenaan hukum pembelian emas menggunakan pembayaran melalui kad kredit, sarjana Islam berbeza pendapat sepertimana berikut:

Pendapat pertama: Tidak sah pembelian emas menggunakan kad kredit samada kad kredit tersebut ada sandaran atau tidak. Ini ialah pandangan Sheikh al-Şiddīq Muḥammad al-Amīn al-Ḍarīr.¹⁸

Pendapat kedua: Sah pembelian emas menggunakan kad kredit samada ada sandaran atau tidak kerana *qabḍ ḥukmī* berlaku. Keadaan ini sama seperti *qabḍ cek muşaddaq* (*certified cheque*) atau lebih kuat daripadanya. Ini ialah pandangan Sheikh ‘Abd al-Sattār Abū Ghuddah¹⁹, Sheikh Nazīh Ḥamād²⁰, Sheikh Yūsuf al-Shubaylī dan lain-lain lagi. Pandangan ini juga seiring dengan **parameter pelaburan emas no. 12**

Pendapat ketiga: Harus membeli emas menggunakan kad kredit ada sandaran manakala kad kredit yang tiada sandaran tidak boleh digunakan untuk membeli emas. Ini ialah resolusi yang dicapai oleh Kesatuan Fiqh Sedunia²¹ dan pendapat sebahagian ilmuan Islam seperti Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli.²² Berdasarkan resolusi ini, kad ATM dan kad Debit boleh digunakan untuk membeli emas manakala *Charge Card* hanya boleh

¹⁸ Al-Şiddīq Muḥammad al-Amīn al-Ḍarīr, *Biṭāqāt al-I’timān: Taşawwuruhā wa al-Ḥukm al-Shar’ī ‘alayhā, Majallat Majma’ al-Fiqh al-Islāmī*, (2000), bil. 12, juz. 3, h. 612.

¹⁹ ‘Abd al-Sattār Abū Ghudāh, *Biṭāqāt al-I’timān: Taşawwuruhā wa al-Ḥukm al-Shar’ī ‘alayhā, Majallat Majma’ al-Fiqh al-Islāmī*, (2000), bil. 12, juz. 3, h. 491.

²⁰ Nazīh Ḥamād, *Biṭāqāt al-I’timān: Taşawwuruhā wa al-Ḥukm al-Shar’ī ‘alayhā, Majallat Majma’ al-Fiqh al-Islāmī*, (2000), bil. 12, juz. 3, h. 517.

²¹ Resolusi Majma’ al-Fiqh al-Islāmī no. 139 (5/15), Resolusi Majma’ al-Fiqh al-Islāmī no. 108 (2/12).

²² *Majallat Majma’ al-Fiqh al-Islāmī*, bil. 15, juz. 3, hlm 173.

digunakan untuk membeli emas jika pengeluar kad berupaya membuat pembayaran kepada peniaga tanpa tangguh.²³

Hujah pendapat pertama:

- (1) Situasi *lani* (*fawriyyah*) yang kehendaki oleh Syarak dalam pembelian emas tidak berlaku melalui pembayaran harga emas menggunakan kad kredit. Alasannya ialah pemegang kad kredit sebenarnya dikira tidak membuat pembayaran kepada penjual emas apabila dia menandatangani penyata bayaran. Sebaliknya pihak yang membuat pembayaran penjual emas ialah bank pengeluar kad iaitu ketika penjual menyerahkan kepadanya penyata bayaran tersebut selepas tempoh masa tertentu yang telah dipersetujui. Tempoh ini ialah selama tiga hari bermula selepas penyata bayaran diterima.
- (2) Jika benar sekalipun bank penjual membuat pembayaran emas secara *lani* bilamana penyata bayaran diserahkan, syarat *taqābuḍ* masih tidak sempurna. Alasannya ialah kerana *taqābuḍ* mesti sempurna dalam majlis akad yang diadakan di antara pemegang kad dengan penjual emas, bukannya majlis serahan penyata bayaran kepada bank penjual emas.
- (3) Qiyas yang dibuat ke atas *certified cheque* merupakan *qiyās ma'a al-fāriq*. Alasannya ialah kedua-duanya adalah alat menyempurnakan (pembayaran). Unsur *al-fāriq* di sini ialah cek merupakan alat pembayaran secara *lani* dan dengan itu, *qabḍ* terhadap kandungannya berlaku secara *ḥukmī*. Manakala kad kredit pula adalah alat pembayaran bertangguh kerana penjual emas tidak menerima pembayaran melainkan selepas berlalu tempoh masa tertentu.²⁴

Hujah pendapat kedua

Sheikh Yūsuf al-Shubaylī menyatakan sebagaimana berikut:²⁵

- (1) Penyata pembayaran yang terhasil melalui kad kredit dikira telah mewajibkan (obligasi) bank pengeluar kad untuk membuat pembayaran kepada penjual

²³ *Ma'āyir Shar'īyyah*, 4/4.

²⁴ *Biṭāqāt al-ʾIṭimān: Taṣawwuruhā wa al-Ḥukm al-Sharʿī ʿalayhā*, *Majallat Majmaʿ al-Fiqh al-Islāmī*, (2004), bil. 15, juz. 3, h. 28.

²⁵ <http://www.dr-nashmi.com/fatwa/index.php?module=fatwa&id=2810>

emas. Ini tidak perlu bergantung kepada (i) samada wang pemegang kad ada dalam akaun kadnya atau tidak dan (ii) samada pembayaran sebenar (*wafā' fi' lī*) telah dibuat oleh pelanggan atau tidak. Alasannya ialah penyata bayaran hasil daripada laluan kad kredit di atas mesin kad dikira menghasilkan satu obligasi ke atas pihak bank (*mulzimah*). Namun begitu, penjual emas perlu mendapatkan kepastian mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) Maklumat pembeli adalah betul sepertimana tercatat di atas kad kredit.
- (b) Tandatangan pembeli di atas penyata bayaran adalah sama dengan tandatangannya di atas kad kredit.
- (c) Kad kredit tersebut masih sah untuk digunakan.

Berdasarkan tiga perkara di atas, resit tersebut bukan sahaja sama kedudukannya seperti cek biasa bahkan ia sama seperti *certified cheque* (cek yang diperakui) yang dikeluarkan oleh bank. Justeru, *qabd* melalui kad kredit adalah sama seperti *qabd* melalui *certified cheque* di atas iaitu *qabd* kedua-duanya mewakili *qabd* kandungan atau nilai wang yang terkandung di dalam cek tersebut.

- (4) '*Urf*: Hukum-hakam *qabd* termasuk cara dan kaedah *qabd* yang diterima Syarak adalah bersandarkan '*urf* semasa. Menurut '*urf* semasa, kad kredit telah diterima pakai oleh masyarakat lantaran ia sama seperti kertas-kertas *note* (tunai) terutamanya penjual pada masa sekarang lebih mengutamakan memegang kad kredit daripada tunai kerana ia lebih selamat dan teratur khususnya apabila transaksi yang dimeterai melibatkan wang berjumlah jutaan ringgit.
- (5) *Al-Damān al-Bankī* (Jaminan bank): Bank bertindak sebagai penjamin terhadap pembayaran harga beli emas sepertimana dalam terma perjanjian dengan pemegang kad kredit. Apabila penjual emas menerima penyata belian emas, dia sebenarnya menganggap bahawa dia telah meng*qabd*kan harga emas tersebut tanpa kebimbangan bahawa bank pengeluar kad tidak menerima penyata tersebut. Keadaan ini lebih jelas dalam kes kad kredit dicuri atau digunakan oleh orang lain, penjual emas tidak akan menanggung sebarang kesan daripada perkara di atas kerana haknya terhadap harga emas tersebut tidak tergugat. Sebaliknya, pihak yang menanggung kesan ialah bank yang mengeluarkan kad kredit.

- (6) Wujudnya tangguhan (*al-ajal*) dalam menukarkan penyata belian emas kepada tunai tidak memberi sebarang kesan kepada hukum kerana jika *qabḍ* penyata belian dianggap sebagai *qabḍ* terhadap kandungannya, maka tiada beza di antara transaksi *ṣarf* lani atau selepas tempoh tertentu. Alasannya ialah *qabḍ* telah pun sempurna sebaik sahaja penyata belian emas diterima. Maksudnya, syarat penting *qabḍ* di sini ialah penyata mesti dikeluarkan segera manakala pembayaran harganya tidak memberi kesan berbeza samada ia berlaku segera atau tertangguh.
- (7) *Qabḍ* penjual bermaksud penjual tersebut menerima harga emas yang dijual samada harga emas tersebut dibayar oleh pembeli sendiri atau individu lain. Misalnya dalam akad *ṣarf*, jika seseorang membeli emas tetapi harganya dibayar oleh orang lain ketika majlis akad, akad *ṣarf* tersebut adalah sah kerana *qabḍ* berlaku.

Pandangan ini juga merupakan resolusi yang dicapai oleh Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-18 bertarikh 12 April 2001 yang memutuskan bahawa produk kad kredit berasaskan konsep *bay' al-ʿīnah* dan *wadīʿah*, serta pembelian emas, perak dan barangan lain yang halal menggunakan produk kad kredit secara Islam adalah dibenarkan.²⁶

Hujah pendapat ketiga

Pendapat ketiga menyatakan bahawa pemegang kad kredit yang membeli emas menggunakan kad kreditnya kemungkinan tidak mempunyai akaun dalam bank pengeluar kad. Ini menyebabkan penebusan penyata kad kredit dibuat tanpa wujud akaun yang mengandungi wang pemegang kad kredit. Di antara contoh kad kredit tiada sandaran ialah MasterCard, American Express dan Visa. Mereka berhujah seperti berikut:

- (1) Pembelian emas melalui kad kredit tanpa sandaran iaitu yang tidak mempunyai akaun pemegang kad tidak dibenarkan kerana *qabḍ* dalam majlis akad tidak berlaku.
- (2) Tiada tolakan daripada wang pemegang kad ketika kad kredit dilalukan di atas mesin laluan kad kredit sebaliknya situasi ini hanya menunjukkan bahawa

²⁶ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*, (2010), h.149.

penjual emas mendapat persetujuan daripada pemegang kad (pembeli) untuk menjual emasnya kepada pemegang kad tersebut. Proses tolakan daripada *credit limit* (*saqf 'itimānī*) tidak dikira sebagai *qabḍ* samada hakiki atau *ḥukmī*.

- (3) Hujah yang menyatakan bahawa tandatangan pemegang kad di atas penyata bayaran kad dikira sebagai *qabḍ ḥukmī* adalah tertolak kerana penjual emas sebenarnya hanya menjamin haknya (harga) dan tidak meng*qabḍ*kan harga tersebut kerana dia akan meng*qabḍ*kannya selepas tempoh tertentu. Di sini, kewujudan *ḍamān al-ḥaq* tidak bererti berlakunya *qabḍ*.
- (4) Operasi kad kredit sebenarnya terbina di atas kontrak hutang dan kontrak *kafālah*. Apabila pemegang kad meng*qabḍ*kan beliannya (dalam hal ini emas), kedudukannya ialah sebagai penghutang (*madīn*). Apabila kad dilalukan di atas mesin kredit kad, penghutang sebenarnya menyerahkan *kafīl*nya kepada penjual. *Kafīl* penghutang di sini ialah bank pengeluar kad atau syarikat Visa. Penjual dalam hal ini menerima *kafālah* tersebut yang bererti dia menerima pembelian secara hutang atau bertanggung kerana bank pengeluar kad memberi jaminan akan membayar harga emas tersebut. Situasi ini memperlihatkan bahawa *qabḍ* hakiki atau *ḥukmī* sebenarnya tidak berlaku.

Berdasarkan hujah-hujah di atas, Kesatuan Fiqh Sedunia OIC dalam persidangan kedua belas yang diadakan pada 23 hingga 28 September 2000 mengemukakan resolusi nombor 2(12/2) 108 seperti berikut:

“Keempat: Tidak harus membeli emas dan perak serta wang tunai (dalam pelbagai matawang) dengan menggunakan kad kredit yang tidak mughattāh (uncovered)”.

Dalam persidangannya yang kelima belas yang diadakan pada 6 hingga 11 Mac 2004, Kesatuan Fiqh Sedunia OIC sekali lagi mengeluarkan resolusi nombor (5/15)139 berkaitan kad kredit seperti berikut:

“Harus membeli emas atau perak atau mata wang dengan menggunakan kad kredit covered”

Namun begitu, pandangan ketiga di atas dipertikai kerana sepatutnya pandangan yang boleh diterima ialah salah satu daripada dua pandangan berikut: 1) samada *qabḍ* di dalam majlis akad dikira berlaku melalui laluan kad kredit di atas mesinnya atau 2)

qabd di dalam majlis dikira tidak berlaku apabila kad kredit dilalukan di atas mesin kad. Manakala membezakan di antara kad kredit ada sandaran dan kad kredit tanpa sandaran tidak boleh diterima kerana tidak memberi kesan kepada hukum. Hujahnya ialah seperti berikut:

- (i) Bank bukan sahaja bertindak sebagai *kafil* sebaliknya sebagai wakil untuk membayar harga emas yang dibeli.
- (ii) Tolakan amaun tertentu untuk kemaslahatan penjual sama daripada akaun sandaran atau akaun tanpa sandaran tidak berbeza kerana amaun tersebut akan terus masuk ke dalam akaun penjual. Apa yang berbeza ialah sumber tolakan amaun bayaran. Jika pembeli mempunyai akaun maka tolakan akan dibuat daripada akaun tersebut. Jika pembeli tidak mempunyai akaun, pihak bank akan merujuk kepada pembeli sendiri untuk menyelesaikan amaun tersebut. Dalam hal ini, penjual emas sebenarnya telah menerima haknya samada melalui pembayaran secara kad kredit ada sandaran atau tiada sandaran sebaik sahaja kad dilalukan di atas mesin kad kredit.

Berdasarkan pendapat yang dikemukakan di atas, kertas kajian ini cenderung kepada pandangan kedua yang membenarkan pembelian emas melalui kad kredit samada kad tersebut ada sandaran atau tiada sandaran.

4.7 Isu Membeli Emas Melalui Internet

Kemudahan internet menyediakan *platform* kepada pengguna untuk menjalankan urusan jual beli emas secara *online*. Namun demikian, urusan pembelian emas melalui internet yang ada pada masa sekarang tidak dapat memastikan pertukaran antara wang dan emas berlaku secara serta merta. Ini kerana, dalam transaksi internet yang berlaku sekarang, pembeli membayar wang terlebih dahulu dengan memasukkan sejumlah deposit ke dalam akaun penjual emas. Setelah mengesahkan penerimaan wang ke dalam akaun, barulah penjual akan menghantar emas yang dibeli tadi melalui pos yang mengambil beberapa hari untuk sampai ke tangan pembeli. Penangguhan serahan emas ini semakin ketara dalam kes-kes penjual emas kehabisan stok yang memaksa pembeli terpaksa menunggu dengan lebih lama.

Analisis Syariah:

Salah satu daripada syarat sah akad jual beli emas ialah serah terima antara emas dan wang mesti berlaku secara serta merta. Pembeli wajib membayar secara penuh manakala penjual mesti menyerahkan emas, di mana kedua-duanya mesti berlaku secara serta merta dalam satu majlis akad. Sekiranya berlaku penangguhan dalam urusan serah dan terima ini, maka transaksi tadi menjadi tidak sah. Berdasarkan pengamatan kami terhadap scenario tadi, selagi pembayaran wang dan penyerahan emas gagal dilaksanakan secara serta merta, maka transaksi jual beli emas melalui internet adalah haram.

Bagi mengelakkan isu syariah dalam konteks pembelian emas melalui internet dari sudut penangguhan penyerahan emas, antara cadangan yang boleh difikirkan ialah pihak penjual melantik pihak ketiga sebagai wakil kepada pembeli dengan persetujuan pembeli. Setelah pembeli memasukkan sejumlah harga emas ke dalam akaun khas (sebagai akaun amanah), wakil pembeli akan mengeluarkan wang dan menjalankan transaksi dengan pihak penjual emas secara serta merta dalam satu majlis akad. Setelah emas diterima oleh wakil, dia bolehlah menyerahkan emas tadi kepada pembeli yang diwakilinya pada bila-bila masa yang dipersetujui. Bagaimanapun, satu kajian lanjut perlu dilakukan untuk memastikan kaedah ini benar-benar patuh syariah.

4.8 Isu Kunci Harga (Lock Price) Emas Melalui Talian

Terdapat sesetengah syarikat yang menyediakan kemudahan secara *online* kepada pelanggan untuk menetapkan harga belian. Pelanggan menghubungi ejen bertauliah untuk membeli emas dengan harga yang dipersetujui (*lock price*). Ejen tersebut akan memasukkan kata pengguna dan kata laluan untuk mengunci harga seperti yang dipersetujui ke dalam sistem. Untuk mengekalkan harga yang dipersetujui itu, pembeli perlu menandatangani keseluruhan bayaran ke dalam akaun syarikat dalam tempoh 24 jam.²⁷ Selepas itu pelanggan perlu menghantar bukti kemasukan deposit kepada syarikat. Dengan bukti tersebut, pihak syarikat akan memproses dan menghantar emas yang dipesan ke cawangan syarikat yang berhampiran. Pelanggan boleh mengambil emas tersebut di cawangan syarikat yang dipersetujui.

²⁷ Sekiranya pelanggan gagal menandatangani bayaran yang diminta dalam tempoh 24 jam, harga yang dipersetujui tadi akan terbatal secara automatik.

Analisis Syariah:

Isu sebenar di sini bukanlah pada penetapan harga, tetapi pada penangguhan dalam penyerahan emas. Ini kerana tindakan pelanggan yang mendepositkan bayaran penuh kepada syarikat seolah-olah menunjukkan bahawa akad pembelian emas sudah dimeterai, sedangkan emas masih tidak dapat diserahkan secara serta merta. Apabila emas tidak diterima serta merta oleh pelanggan tetapi hanya diterima beberapa hari kemudian, maka di sini berlaku penangguhan penyerahan emas yang tidak dibenarkan oleh syarak. Dalam sesetengah kes, pelanggan terpaksa menunggu lebih lama sekiranya syarikat tidak mempunyai stok yang mencukupi bagi menampung permintaan.

Sebagai cadangan, untuk mengelakkan elemen penangguhan berlaku, disarankan agar aplikasi *wa'd* (janji) satu pihak dimasukkan (rujuk **Parameter Pelaburan Emas No. 22**). Ini menjadikan proses penetapan harga berfungsi sebagai janji untuk membeli. Oleh itu kontrak jual beli belum lagi termeterai sebaliknya *purchase order* berfungsi sebagai janji daripada pihak pelanggan untuk membeli emas pada masa dan harga yang dipersetujui.

Akaun Emas**4.9 Akaun Emas Yang Tidak Memberikan Kemudahan *Withdrawal* Dalam Bentuk Emas Fizikal.**

Antara produk pelaburan emas yang semakin popular pada hari ini ialah pelaburan melalui pembukaan akaun emas. Tinjauan terhadap produk akaun emas di beberapa bank di Malaysia mendapati bahawa terdapat beberapa konsep yang digunakan. Kertas kajian ini akan membawakan beberapa konsep dan modus operandi yang digunakan dan ditawarkan samada oleh institusi perbankan Islam mahupun konvensional, dan akan menganalisa operasinya dari sudut fiqh.

Di bawah adalah jadual yang menjelaskan modus operandi sejenis pelaburan emas yang berasaskan akaun emas.

Ciri-ciri	Keterangan
Minima belian permulaan	1 gram
Minima belian seterusnya	1 gram
Minima jualan	1 gram
Minima baki dalam akaun	1 gram

Ciri-ciri	Keterangan
Sandaran emas	Pelaburan adalah bersandarkan kepada emas fizikal yang disimpan di PAMP S.A.

Ciri-ciri	Keterangan
Kaedah pembayaran ketika pembelian	- Tunai - Debit dari akaun simpanan atau semasa. - Cek tempatan
Kaedah pengeluaran	- Tunai (mengikut harga belian semasa) - Nilai emas mengikut harga belian semasa dikreditkan ke akaun semasa atau simpanan

Analisis Syariah:

Persoalan utama di dalam pelan di atas ialah ketiadaan *qabd* terhadap emas fizikal yang dibeli oleh pelabur. Walaupun pihak bank menyatakan bahawa ia berasaskan kepada kewujudan emas fizikal, namun pihak bank tidak memberikan pilihan kepada pelabur untuk mendapatkan emas tersebut secara fizikal. Justeru, dari sudut syariah:

- (i) Pensyaratan bahawa emas tidak akan diserahkan secara fizikal kepada pelabur, sebaliknya akan ditukar kepada nilai dan diserahkan dalam bentuk tunai adalah menyalahi salah satu syarat jual beli berkaitan *al-muthman*. Ia juga menyalahi **Parameter Pelaburan Emas No. 5**.
- (ii) Ketidadaan *qabd* terhadap emas ketika pembelian. Ini kerana tidak berlaku penyerahan hakiki atau penyerahan muktabar yang menggantikan penyerahan hakiki ketika proses pembelian emas. Ini menyalahi syarat asas pembelian item *ribawī*, dan menyalahi **Parameter Pelaburan Emas No. 13**.
- (iii) Apabila pelabur tidak dapat menuntut emas fizikal daripada belian emas, kemudian membuat pengeluaran ketika harganya telah naik, maka keuntungan yang diperolehi oleh pelabur adalah termasuk dalam larangan syarak berkenaan mengambil keuntungan dari jualan suatu yang belum berada dalam jaminannya.

Ini berdasarkan larangan Rasulullah s.a.w dalam hadis berikut:

لا يَحِلُّ سَلْفٌ وَبَيْعٌ وَلَا شَرْطَانِ فِي بَيْعٍ وَلَا رِبْحٌ مَا لَمْ يُضْمَنْ وَلَا بَيْعٌ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ

Maksudnya: “Tidak halal transaksi hutang beserta jual beli, (pengenaan) dua syarat dalam satu (transaksi) jual beli, (mendapat) keuntungan (daripada) sesuatu yang tidak dijamin, dan jual beli sesuatu yang engkau tidak miliki”.²⁸

Menurut ulama hadis, perkataan مَا لَمْ يُضْمَنْ mempunyai dua maksud, iaitu:

- (i) Sesuatu yang tidak dimiliki (*mā lam yuṣṣalik*)
- (ii) Sesuatu yang tiada dalam pegangan (*mā lam yuqbaḍ*)²⁹

Dalam hadis yang lain Rasulullah s.a.w bersabda:

مَنْ ابْتِئَاعَ طَعَامًا فَلَا يَبْعُهُ حَتَّى يَقْبِضَهُ

Bermaksud: “Sesiapa yang membeli satu makanan maka janganlah dia menjualnya sehingga dia melakukan *qabḍ* terhadapnya”.³⁰

4.10 Akaun Emas Yang Memberikan Kemudahan *Withdrawal* Dalam Jumlah Tertentu Sahaja.

Contohnya adalah seperti berikut:

Ciri-ciri	Keterangan
Minima belian permulaan	5 gram
Minima belian seterusnya	5 gram dan dalam gandaan 1 gram
Minima jualan	5 gram dan dalam gandaan 1 gram
Minima baki dalam akaun	1 gram
Kaedah pembayaran ketika pembelian	Debit dari akaun simpanan atau semasa di Bank

²⁸ Al-Tirmidhī, *al-Sunan*, (Mesir: Maktabah Muṣṭafāal-Bābī al-Ḥalabī, 1975), hadis no. 1234, j. 5, h. 527; Abū Dāwūd, *al-Sunan*, (Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, t.t), hadis no. 3504, j. 3, h. 283; al-Nasā’ī, *al-Sunan al-Ṣuḡhrā*, (Ḥalab: Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah, 1986), hadis no. 4611, j. 7, h. 288.

²⁹ Al-Ṣan‘ānī, *Subul al-Salām*, (Dār al-Ḥadīth), j. 2, h. 20.

³⁰ Hadis diriwayatkan oleh Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. (Dār Ṭawq al-Najāt, 1422H), hadis no: 2133, j. 3, h. 68; dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī), hadis no: 1252 j. 3, h. 1160.

Ciri-ciri	Keterangan
Kaedah pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai emas mengikut harga belian semasa dikreditkan ke akaun simpanan atau semasa. • Emas fizikal boleh dituntut dengan minima 100 gram dan dalam gandaan 100 gram.

Analisis Syariah:

Jika dilihat dari sudut *qabd*, pelan ini adalah lebih baik daripada yang pertama kerana untuk *withdrawal*, bank memberikan pilihan kepada pelabur samada untuk melakukan pengeluaran dalam bentuk nilai iaitu dengan menjual emas kepada bank pada harga semasa dan dikreditkan ke dalam akaun pelabur; ataupun dengan cara menuntut emas fizikal daripada bank dengan mengambilnya di cawangan tertentu.

Cuma, apabila had minima untuk pengeluaran emas fizikal ditetapkan sebanyak 100 gram, dan dalam gandaan 100 gram, maka di sini timbul isu syariah bagi mereka yang membuat pembelian emas sebanyak 100 gram ke bawah. Ini kerana pelabur yang membeli emas tidak melebihi 100 gram, sudah pasti tidak dibolehkan membuat pengeluaran emas fizikal, maka ia menyalahi satu syarat jual beli emas (*taqābud*) dan juga menyalahi **Parameter Pelaburan Emas No. 5**.

Bagi pelabur yang membeli emas melebihi 100 gram dan bukan dalam gandaan 100 gram, contohnya 120 gram, 140 gram, 260 gram, maka timbul permasalahan dari sudut lebihan yang bukan dalam gandaan 100 gram adalah emas yang tidak boleh dikeluarkan secara fizikal. Justeru ia menyalahi parameter yang sama.

4.11 Akaun Emas Yang Berasaskan Kepada *Qard*.

Ciri-ciri	Keterangan
Minima belian permulaan	5 gram, 10 gram atau 50 gram (bergantung kepada pakej)
Minima belian seterusnya	1 gram
Minima jualan	1 gram
Minima baki dalam akaun	2 gram

Ciri-ciri	Keterangan
Kaedah pembayaran ketika pembelian	<ul style="list-style-type: none"> • Debit dari akaun simpanan atau semasa.
Kaedah pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai emas mengikut harga belian semasa dikreditkan ke akaun semasa atau simpanan. • Emas fizikal boleh dituntut dengan nilai 1,5,10,20,50 dan 100 gram.
Konsep	<ul style="list-style-type: none"> • Emas yang dibeli pelanggan boleh disimpan di bank berasaskan konsep <i>qard</i>, iaitu pinjaman tanpa faedah di mana bank bertindak sebagai peminjam.

Analisis Syariah:

Dari sudut tuntutan *qabd*, pelan di atas adalah menepati hukum pembelian emas kerana bank memberikan pilihan kepada pelanggan samada untuk menyimpan emas di bank atau membuat pengeluaran fizikal dengan minima 1 gram. Justeru, pelanggan yang membeli emas melalui pelan ini boleh membuat tuntutan emas fizikal serendah 1 gram.

Isu *bay' wa salaf* (jual beli yang disekalikan atau disyaratkan dengan hutang) juga tidak timbul dalam pelan di atas, kerana bank memberi pilihan kepada pelanggan samada untuk membuat tuntutan emas fizikal atau menyimpan emas fizikal di bank berdasarkan akad *qard*. Isu *bay' wa salaf* hanya akan timbul jika bank tidak memberi pilihan, sebaliknya setiap pembeli emas dikehendaki menyimpan emas di bank atas dasar *qard*.

4.12 Emas Maya

Yang dimaksudkan dengan emas maya ialah emas yang diniagakan bukan secara fizikal dan bukan juga secara akaun bank, tetapi ditawarkan oleh sebahagian syarikat-syarikat broker *forex* yang menggunakan *platform* elektronik. Ini kerana syarikat-syarikat

broker *forex* bukan sahaja menawarkan perdagangan matawang secara *online*, tetapi juga menawarkan perdagangan emas dan perak dengan bersandarkan kepada harga semasa emas dan perak.

Dari sudut operasi, pelabur yang ingin menyertai perdagangan emas maya melalui *platform* elektronik perlu memiliki akses talian internet, *platform*, dan akaun kewangan sebagai perantara. Jual beli emas dijalankan berdasarkan harga semasa yang dipaparkan di *platform*.

Analisis Syariah:

Melihat kepada operasi perdagangan emas maya yang sama dengan operasi perdagangan pertukaran matawang asing menggunakan *platform* elektronik, isu-isu syariah yang timbul berkenaan dengan pelaburan emas maya juga adalah sama dengan isu-isu syariah dalam perdagangan *forex* secara *online*. Isu-isu syariah tersebut telah dikenal pasti dan dibincangkan secara terperinci dalam satu kajian yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik ISRA bertajuk '*Operasi Pertukaran Matawang Asing Oleh Individu Secara Lani Melalui Platform Elektronik: Satu Sorotan Dari Sudut Syariah*'.

Secara ringkas, isu-isu syariah yang terdapat dalam operasi pelaburan emas maya adalah:

(i) Isu *leverage*

Sebagaimana dalam *forex* secara *online*, operasi pelaburan emas maya juga dijalankan dengan adanya kemudahan *leverage*. *Leverage* telah ditakrifkan sebagai pinjaman kewangan (*qard*), dan dimaklumi bahawa setiap pinjaman yang membawa kepada manfaat kepada pemberi pinjam adalah riba yang diharamkan. Unsur *leverage* juga menimbulkan isu pensyaratan akad jual beli di dalam akad *qard*.

(ii) Isu *Qabd*

Dalam operasi pelaburan emas maya menggunakan *platform* elektronik, isu *qabd* berlaku apabila emas yang dibeli oleh pelabur ketika membuka posisi tidak akan dikreditkan ke dalam akaunnya, sehingga dia menutup balik posisi dengan menjualnya kepada *broker*. Ini bermakna, tidak berlaku *qabd* samada hakiki atau hukmi ketika transaksi pembelian emas dijalankan.

(iii) Penjualan sesuatu yang tiada dalam pegangan

Dalam konteks pelaburan emas maya, penjualan emas sebelum *qabd* berlaku dalam dua keadaan:

Pertama: Ketika pelabur membuat penutupan posisi (*close position*), dia akan menjual balik emas yang dibelinya dari broker, sedangkan dia belum lagi melakukan *qabd* terhadap emas tersebut.

Kedua: Ketika pelabur memulakan transaksi dengan membuka posisi short (menjual emas), dia telah membuat transaksi penjualan emas yang tidak dimilikinya dan tidak ada dalam pegangannya.

Justeru, pelaburan emas maya menggunakan *platform* elektronik adalah tidak menepati hukum syarak, dan menyalahi **Parameter Pelaburan Emas No. 5, 11, 13, 20 dan 23**.

5. ISU-ISU BERKAITAN

5.1 Isu Salah Nyata di dalam Iklan dan Risalah

Berdasarkan tinjauan secara rawak yang dibuat di dalam kajian kertas kajian ini, terma-terma atau butir-butir yang terdapat di dalam kebanyakan iklan dan risalah yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang menawarkan skim pelaburan emas baik secara cetakan mahupun *online*, adalah kurang tepat dan kurang jelas.

Dari sudut perundangan, keadaan ini boleh dinisbahkan kepada “salah nyata” (*misrepresentation*) atau “frod” (*fraud*). Perbezaan ketara antara salah nyata dan frod adalah niat (*intention*). Seksyen 18, Akta Kontrak 1950 mendefinisikan salah nyata sebagai pernyataan salah yang dibuat tanpa niat penipuan tetapi pernyataan itu menyebabkan pihak yang lain memeterai kontrak berdasarkan kepercayaan terhadap pernyataan yang salah itu.

Berlainan pula dengan frod, ia ditafsirkan sebagai perbuatan atau pernyataan yang salah yang dibuat dengan niat untuk menipu pihak kedua di dalam sesebuah kontrak yang akhirnya mempengaruhi pihak kedua untuk memeterai kontrak antara keduanya sebagaimana yang diperuntukkan didalam Seksyen 17, akta yang sama. Seksyen 19, Akta Kontrak 1950 juga menegaskan bahawa kesan salah nyata dan frod akan

menyebabkan sesebuah kontrak yang sudah termeterai sebagai boleh batal (*voidable*) di pihak mangsa salah nyata atau frod. Seksyen 19(2), Akta Kontrak 1950 menyatakan bahawa pihak mangsa kes yang melibatkan salah nyata atau frod mestilah dibayar ganti rugi sepertimana kontrak itu tidak ada unsur-unsur salah nyata atau frod sekiranya dia memilih untuk meneruskan kontrak. Sekiranya pihak mangsa salah nyata atau frod memilih untuk membatalkan kontrak, maka kedua-dua pihak perlu memulangkan semula sebarang manfaat atau milikan sepertimana kontrak tidak terjadi antara kedua-dua pihak. Ini dijelaskan oleh Seksyen 65, akta yang sama.

Ini bermakna, sekiranya terma-terma yang terkandung di dalam risalah ataupun iklan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat pelaburan emas ini tidak menepati operasi atau transaksi sebenar yang ditawarkan oleh mereka, dan sekiranya pelanggan berjaya membuktikan kewujudan elemen salah nyata atau frod, maka pelanggan akan berhak untuk memilih untuk membatalkan kontrak atau meneruskan kontrak dengan bayaran gantirugi.

Perihal salah nyata juga turut dimuatkan di dalam Akta Perlindungan Konsumer 2009 yang secara spesifiknya dinyatakan di dalam Seksyen 9, 10 dan 12, akta tersebut. Berdasarkan Akta Perlindungan Konsumer, sekiranya berlaku salah nyata di dalam transaksi yang melibatkan konsumer atau pelanggan, konsumer atau pelanggan akan diberikan hak untuk menerima gantian barangan atau gantirugi atau hak untuk membatalkan kontrak yang sudah termeterai.

Dari sudut pandangan Shariah, elemen salah nyata atau frod ini terkandung di dalam makna perkataan “*ghish*” yang bermakna “penipuan”.

Sistem kewangan Islam bukan sahaja berpaksikan mekanisma ‘tanpa faedah’ tetapi termasuk juga larangan-larangan lain seperti *gharar* (keraguan), *qimar* (perjudian) dan amalan dagangan yang tidak beretika seperti *ghish* (penipuan). Rasulullah S.A.W amat mencela perbuatan ini dan baginda bersabda di dalam hadithnya yang bermaksud: “Sesiapa yang menipu, bukan dari golongan aku”³¹.

Ghish atau penipuan adalah dicela dan perlu ditegah oleh *muhtasib*. Sekiranya *ghish* itu disembunyikan daripada pengetahuan pembeli, maka hukumnya haram dan berdosa. Sekiranya pembeli itu membeli untuk manfaat orang lain dan

³¹ Hadis diriwayatkan oleh Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī), j. 1, h. 99, (no. 102).

mengetahui kewujudan *ghish* yang dilakukan oleh penjual, maka hukum larangan itu disabitkan kepada penjual dan pembeli. Adapun sekiranya pembeli itu membeli untuk kepentingan dirinya, maka hukum haram dan berdosa itu disabitkan kepada penjual sahaja. Seseorang *muhtasib* harus menegur dan memberi nasihat dan teguran terhadap perkara ini. Peranan *muhtasib* sangat penting didalam menangani *ghish* atau frod dalam muamalah (Bouhdiba & Al-Dawalibi:1998, h.216, Muhammad Al-Amine: 2008, h. 189).

Bahrum (1988, h. 126) merumuskan bahawa *ghish* dicela kerana terdapat hubungan fidusiari yang berlandaskan “amanah” (*trust*) antara penjual dan pembeli. Bouhdiba & Al-Dawalibi (1998, h. 217) menyatakan bahawa sebab utama *ghish* diharamkan di dalam muamalah Islam ialah kewujudan elemen lebihan atau keuntungan yang tidak bertamadun. Muhammad Al-Amine (2008, h. 189) pula berpendapat bahawa *ghish* adalah suatu jenayah yang melibatkan penipuan yang mempengaruhi pembeli untuk memeterai sesebuah kontrak. Maka ia sangatlah dicela dan *muhtasib* hendaklah mengenakan hukuman *ta'zir* berdasarkan kepentingan umum (Muhammad Al-Amine: 2008).

Walaubagaimanapun, *ulama'* tidak bersepakat menyatakan kesannya terhadap keesahan sesebuah kontrak iaitu samada batal atau boleh batal (Muhammad Al-Amin: 2008, h. 189). Imam Al-Mawardi (2006) membincangkan perihal ini di bawah fasal “*al-hisbah*” dalam membincangkan peranan *muhtasib* dalam kontrak *fasid*. Namun, beliau tidak menjelaskan kesannya terhadap kontrak sama ada batal atau tidak. Nabi Muhammad S.A.W. pernah bersabda: “Pembeli dan penjual di dalam sesebuah kontrak mempunyai pilihan (untuk membatalkannya atau untuk meneruskan kontrak) selagi mana mereka tidak berpisah, dan sekiranya keduanya bercakap benar dan menyatakan (keaiban barang jualan), maka kontrak mereka akan diberkati tetapi sekiranya mereka saling menyembunyikan dan menipu, keberkatan di dalam kontrak mereka akan hilang.”³²

Oleh itu, kontrak yang mengandungi elemen *ghish* akan membatalkan kontrak. Di dalam konteks pelaburan emas yang dijalankan oleh syarikat-syarikat tertentu, sekiranya terdapat elemen *ghish* atau penipuan di dalam operasi pelaburan mereka secara keseluruhan, maka pihak berwajib hendaklah menegur dan memberi amaran

³² Hadis diriwayatkan oleh Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1422, (Dār Ṭawq al-Najāh), j. 3, h. 58, (no. 2079); dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 3, h. 1164 (no. 1532).

terhadap perbuatan mereka. Oleh itu, syarikat-syarikat yang terlibat dengan pelaburan emas hendaklah memastikan bahawa terma-terma yang terkandung di dalam risalah atau iklan dalam sebarang bentuk cetakan mahupun secara maya atau *online*, jelas dan tepat. Sebarang representasi yang dibuat mestilah memenifestasikan operasi dan kedudukan sebenar sesebuah pelaburan yang melibatkan emas. Ini kerana emas adalah barangan *ribawi* dan segala urusan melibatkan emas hendaklah mengikut lunas-lunas syarak.

5.2 Isu Pelupusan Harta Dari Sumber Haram

Sekiranya transaksi pelaburan emas tidak mengikut garis panduan atau parameter Shariah, produk pelaburan emas terdedah kepada hukum samada *fāsid* atau batal. Persoalan yang timbul adalah, bagaimana dengan manfaat atau keuntungan yang diperolehi oleh konsumen atau pelanggan daripada pelaburan yang dibuat dengan menyalahi parameter syarak dan apakah cara melupuskannya?

Harta yang diperolehi dari sumber yang haram atau tidak sah mengikut syarak adalah haram digunakan untuk manfaat pemilikinya kerana harta itu tidak dimilikinya. Ia termasuklah manfaat atau keuntungan yang diperolehi dari hasil pinjaman dengan transaksi riba, harta curi, tipu, judi, pecah amanah, rasuah, hasil perniagaan haram, hasil jualan barang curi, hasil keuntungan pelaburan haram termasuklah pelaburan emas yang tidak menepati syarak. Nabi S.A.W. pernah bersabda: “Sesungguhnya Allah itu baik dan tidak menerima kecuali sesuatu yang baik.”³³

Syeikh ‘Atīyyah Ṣāqar (bekas Ketua Lajnah Fatwa Al-Azhar) berpendapat bahawa: «Wajib melupuskan harta yang haram ketika bertaubat, ia boleh dilakukan dengan memulangkan kembali harta itu kepada tuannya (jika diketahui) atau kepada warisnya, dan jika tidak mampu diketahui, hendaklah diserahkan kepada faqir miskin bagi memisahkan diri darinya dan bukannya bagi meraih pahala (dari serahan itu).³⁴

Oleh itu, dari sudut pandangan Shariah, jika sesuatu harta yang didapati dari sumber haram itu diketahui pemilikinya, maka hendaklah dilupuskan dengan memulangkan kembali harta yang tidak sah itu kepada tuannya serta meminta maaf dan kemudian bertaubat. Sekiranya gagal dipulangkan kepada pemilikinya, maka hendaklah ia

³³ Hadis riwayat Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 2, h. 703 (no. 1015).

³⁴ *Aḥsan al Kalām fī al-Fatāwā wa al-Aḥkām*, (Dār al-Gharb al-‘Arabī), j. 2, hlmn 65.

dipulangkan kepada warisnya, jika gagal juga, maka harta itu haruslah disalurkan kepada faqir miskin (sedeqah). Hal ini telah di sepekati oleh para ulama', contohnya;

- (1) Al-Imam al-Ghazali mengatakan bahawa “Kita tidak bersedekah dengan harta melainkan dari harta yang baik [halal] adalah apabila kita mengharapkan pahala dari pemberian sedekah tersebut untuk diri kita. Perbincangan kita sekarang adalah pelupusan harta yang haram dari sisi kita bukan untuk kita mendapatkan pahala buat diri kita. Di antara melupuskan harta tersebut dengan dimusnahkan dan diinfaqkan maka kami cenderung pada pandangan untuk harta tersebut diinfaqkan”.³⁵
- (2) Imam Ibn Qayyim menyatakan bahawa “Jika sesuatu harta yang didapati dari sumber haram itu diketahui pemiliknya (seperti harta haram hasil curi dan diketahui pemiliknya), cara melupuskannya adalah dengan memulangkan kembali wang curi itu kepada tuannya serta meminta maaf dan kemudian melakukan taubat kepada Allah swt. Sekiranya dia gagal memulangkan kepada tuannya maka hendaklah dia memulangkan kepada warisnya. Sekiranya dia gagal juga, barulah harta itu disalurkan kepada sedeqah”.³⁶
- (3) Sheikh Dr Yusuf al-Qardhawi mengatakan bahawa kebenarannya adalah bahawa harta tersebut adalah kotor (haram) dengan dinisbahkan kepada orang yang memperolehnya dengan cara yang tidak halal akan tetapi ianya baik (halal) dengan dinisbahkan kepada faqir miskin untuk tujuan kebaikan³⁷. Ianya haram ke atas orang yang memperolehnya dengan cara yang tidak halal tetapi dibolehkan kerana tujuan kebaikan tadi seperti menyedekahkannya. Ini kerana, harta tersebut tidak haram bagi zatnya akan tetapi ianya haram hanya kerana individu tertentu kerana sebab yang tertentu.

Secara kesimpulannya, menginfakkan harta dari sumber yang haram merupakan kewajipan untuk memisahkan diri pemilik dari harta yang haram. Ini kerana harta itu tidak dimiliki secara syarak dan tidak melayakkan seseorang yang mengambilnya sebagai harta secara *milkiyyah*. Di dalam konteks pelaburan emas, sekiranya pelaburan itu tidak mematuhi syarak atau dideklarasikan sebagai tidak patuh syarak, maka sebarang keuntungan atau manfaat yang diperolehi daripada

³⁵ Sila lihat *Ihyā' Ulūm al-Dīn*, j. 5, h. 83.

³⁶ Ibn al-Qayyim, *Zād al-Ma'ād*, j. 4, h. 251.

³⁷ Sila lihat laman web Sheikh Dr Yusuf al-Qardhawi (www.qaradawi.net) di dalam: *Fatāwā wa Aḥkām, Infāq al-māl al-muktasab min ḥarām*.

pelaburan wang haram haruslah dipisahkan dari pemiliknya dengan menginfakkan atau menyedekahkan kepada faqir dan miskin.

6. KESIMPULAN

Kepelbagaian produk pelaburan emas yang ditawarkan di pasaran pada hari ini perlu diambil perhatian oleh masyarakat Islam dari sudut kepatuhan Syariah. Ini kerana keuntungan dari pelaburan tersebut sekiranya tidak memenuhi tuntutan syarak akan membiakkan sumber pendapatan haram yang dimurkai dan tidak diberkati oleh Allah. Justeru, menjadi peranan kepada agamawan dan ilmuan Islam untuk sentiasa peka dengan kewujudan pelbagai produk pelaburan emas, agar dapat memberi panduan kepada masyarakat Islam yang ingin melibatkan diri dengan aktiviti ini. Apatah lagi aktiviti pelaburan ini melibatkan item yang bersifat *ribawī* yang mempunyai syarat-syarat yang lebih ketat berbanding pelaburan komoditi lain.

Daripada analisis syariah terhadap beberapa produk pelaburan emas yang ditawarkan di pasaran, kertas kajian ini mendapati masih banyak pelan-pelan pelaburan yang tidak menepati syarat asasi jual beli emas terutama berkaitan dengan *taqābud*. Justeru, pengguna Islam perlu berhati-hati dalam memilih produk pelaburan emas dan tidak hanya terpengaruh dengan janji-janji pulangan lumayan yang tidak dipastikan status halalnya.

Syarikat-syarikat perniagaan emas yang mensasarkan pengguna Islam ataupun yang dilangani oleh ramai pengguna Islam hendaklah peka dengan hukum-hakam syarak berkaitan pelaburan emas. Justeru, sewajarnya setiap syarikat pelaburan emas milik orang Islam atau yang dilangani oleh pengguna Islam mewujudkan jawatankuasa syariah tersendiri bagi memastikan produk yang ditawarkan tidak menyalahi hukum syarak.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Sattār Abū Ghudah. (2000). *Biṭāqāt al-I’timān: Taṣawwuruhā wa al-Ḥukm al-Shar’ī ‘alayhā, Majallat Majma’ al-Fiqh al-Islāmī.*
- Al-Bahūtī. (1414H). *Sharḥ Muntahā al-Irādāt.* Beirut: ‘Ālam al-Kutub.
- Al-Bukhārī. (1422H). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.* Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh.
- Al-Ghazālī. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn.* Beirut: Dār al-Ma’rifah.
- Al-Nawawī. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim.* Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Sarakhsī. (1414H). *Al-Mabsūṭ.* Beirut: Dār al-Ma’rifah.
- Al-Sharbīnī. (1415H). *Mughnī al-Muḥtāj.* Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Subkī. *Takmilat al-Majmū’.* Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Suyūṭī. (1990). *Al-Ashbāh wa al-Nazā’ir.* Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ṣiddīq Muḥammad al-Amīn al-Ḍarīr. (2000). *Biṭāqāt al-I’timān: Taṣawwuruhā wa al-Ḥukm al-Shar’ī ‘alayhā, Majallat Majma’ al-Fiqh al-Islāmī.*
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam.*
- Forest Capie. *Gold as a Hedge against the US Dollar.* London: World Gold Council. Research Study No. 20.
- Ibn ‘Abd al-Barr. (1400H). *Al-Kāfī fī Fiqh Ahl al-Madīnah.* KSA: Maktabat al-Riyāḍ al-Ḥadīthiyyah.
- Ibn Rushd. (1408H). *Al-Muqaddimāt al-Mumahhidāt.* Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Ibn Taymiyyah. (1418H). *Al-Mustadrak ‘alā Majmū’ al-Fatāwa.*
- JAKIM. (2011). *Garis Panduan Yang Dipraktikkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).*
- Majallat Majma’ al-Fiqh al-Islāmī.*
- Muḥammad ‘Alī al-Qarī. (2000). *Biṭāqāt al-I’timān Ghayr al-Mughatṭāh. Majallat Majma’ al-Fiqh al-Islāmī.*

Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabī.

Nazīh Ḥammād. (2000). Biṭāqāt al-I’timān: Taṣawwuruhā wa al-Ḥukm al-Shar‘ī ‘alayhā, *Majallat Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*.

Peter A. Abken. (1980). *The Economics of Gold Price Movements*. Federal Reserve Bank of Richmond.

Resolusi Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī.

Wahbah al-Zuḥaylī (2004). Biṭāqāt al-I’timān. *Majallat Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*.

Laman Web

http://www.ibnothaimen.com/all/books/article_16977.shtml

<http://www.binbaz.org.sa/mat/3900/>

<http://el-wasat.com/assawy/?p=3802>

<http://www.investopedia.com/terms/c/creditcard.asp#axzz1vKrV9wBY>

<http://www.dr-nashmi.com/fatwa/index.php?module=fatwa&id=2810>

<http://www.qaradawi.net>

APPENDIX: PARAMETER PELABURAN EMAS

Syarat Umum Jual Beli

- (1) Transaksi jual beli emas mestilah memenuhi semua rukun jual beli yang digariskan oleh Syarak, iaitu pihak yang berakad, item pertukaran, dan sighth menurut uruf yang diamalkan. Jika sekiranya suatu transaksi tidak memenuhi salah satu rukun jual beli, transaksi tersebut dikira tidak sah.

Pihak yang berakad.

- (2) Pihak yang berakad mestilah orang yang mempunyai kelayakan melakukan kontrak (*Ahliyyah al-Ta'aqud*) iaitu dengan memenuhi kriteria berikut:
 - (i) Baligh, berakal, dan *rasyid*.

Jika sekiranya pihak yang berakad seorang yang gila atau kanak-kanak samada mumayyiz atau tidak mumayyiz, maka jual belinya adalah tidak sah. Akad oleh kanak-kanak yang mumayyiz adalah tidak sah kerana jual beli ini melibatkan barang yang tinggi nilainya.

- (ii) Keredaan.

Akad jual beli mestilah dimeterai oleh dua pihak yang saling redamedai, tanpa ada unsur paksaan, tekanan, dan eksploitasi.

Harga belian (*al-Thaman*)

- (3) Harga belian (*al-Thaman*) hendaklah diketahui dengan jelas oleh kedua-dua pihak yang berakad ketika sesi jual beli.

Barang Belian (*al-Muthman*)

- (4) Barang belian hendaklah suatu yang wujud, dan dimiliki sepenuhnya oleh pihak yang menjual ketika berlangsungnya kontrak jual beli. Oleh itu, jual beli suatu yang tidak wujud secara fizikalnya dan juga jual beli suatu yang tidak dimiliki oleh pihak yang menjualnya adalah tidak sah.

- (5) Barang belian hendaklah suatu yang boleh diserahkan kepada pembeli atau wakilnya. Jika barang belian tidak dapat diserahkan kepada pembeli, ataupun penjual mensyaratkan tidak menyerahkannya kepada pembeli, maka akad tersebut tidak sah.
- (6) Barang belian (*Al-Muthman*) hendaklah suatu yang diketahui oleh kedua-dua pihak yang berakad ketika sesi jual beli. Ia boleh terlaksana melalui kaedah-kaedah di bawah:
 - (i) Melihat sendiri barangan yang hendak dibeli ketika akad jual beli, atau sebelum akad jual beli dalam tempoh yang tidak menjejaskan sifat-sifatnya.
 - (ii) Melihat sampel barangan yang hendak di jualbeli. Ini biasanya berlaku semasa proses pemesanan sebelum akad dilaksanakan.
 - (iii) Menentukan sifat-sifat dan kadar barang belian secara terperinci yang secara urufnya tidak menimbulkan pertikaian. Dalam konteks emas, penentuannya adalah dengan mengenalpasti tahap ketulenan emas samada mengikut standard lama berasaskan karat (seperti emas 24 karat), atau standard baru berasaskan peratusan (seperti emas 999). Penentuan sifat juga mestilah mencakupi bentuk emas, samada dalam bentuk syiling, wafer, jongkong, dan sebagainya. Timbangan emas secara tepat juga adalah suatu yang disyaratkan dalam penentuan sifat emas.

Sighah

- (7) Sighah dalam jual beli adalah suatu yang menunjukkan kepada keredhaan kedua-dua pihak untuk memeterai kontrak jual beli. Ia boleh berlaku samada melalui pertuturan, atau suatu yang boleh mengambil hukum pertuturan seperti tulisan dan seumpamanya. Manakala jual beli secara *mu'ataah* (serah-hulur) juga adalah dikira sebagai sighah yang muktabar oleh sebahagian fuqaha.
- (8) Di dalam sighah jual beli, tidak boleh dimasukkan unsur penempohan. Contohnya, seseorang mengatakan, "Saya menjual barangan ini kepada kamu dengan harga RM100 untuk selama tempoh setahun".

- (9) Ijab dan Qabul mestilah bersepadanan dan menepati antara satu sama lain dari sudut ciri-ciri dan kadarnya.

Syarat Khusus Jual Beli Emas Yang Bercirikan Item Ribawi

- (10) Oleh kerana emas dan wang adalah dua item *ribawi* yang mempunyai *illah* yang sama, maka syarat tambahan bagi transaksi pembelian atau penjualan emas mestilah memenuhi syarat berikut:
- (i) Berlaku *taqabudh* (penyerahan) antara kedua-dua item yang terlibat dalam transaksi sebelum kedua-dua pihak bertransaksi berpisah daripada majlis akad.
 - (ii) Jual beli emas hendaklah dijalankan secara lani, dan tidak boleh berlaku sebarang penangguhan.

Syarat-syarat tersebut adalah khas bagi emas yang bercirikan item ribawi, seperti emas jongkong dan syiling emas. Manakala bagi barang perhiasan emas, pandangan berbeza mengenainya adalah sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. Jika Majlis mengambil pandangan bahawa barang perhiasan emas bukan item ribawi, maka dua syarat di atas tidak diambil kira.

Perincian mengenai *taqabudh* dan urusan lani adalah seperti berikut:

Syarat Pertama: *Taqabudh*

- (11) *Taqabudh* (penyerahan) hendaklah berlaku terhadap kedua-dua item jual beli iaitu harga dan juga barang belian (emas), dan ia hendaklah terlaksana sebelum kedua-dua pihak berpisah daripada majlis akad.
- (12) Penyerahan harga boleh dilakukan melalui kaedah-kaedah berikut:
- (a) Pembayaran secara tunai.
 - (b) Pembayaran secara cek yang diperakui (seperti *banker's cheque*).
 - (c) Pembayaran secara cek peribadi.

- (d) Pembayaran secara kad debit.
- (e) Pembayaran secara kad kredit.
- (f) Pemindahan wang daripada akaun simpanan atau semasa.

Secara urufnya, kesemua bentuk bayaran di atas kecuali (c) adalah dianggap sebagai pembayaran tunai oleh penjual. Pembayaran melalui kad kredit masih lagi dianggap tunai kerana pihak penjual akan mendapatkan harga jualan secara penuh dari pihak yang mengeluarkan kad kredit tersebut. Hutang yang berlaku, jika ada, adalah diantara pemegang kad dengan pengeluar kad dan bukannya dengan penjual barangan.

Status tunai ini masih lagi diterima secara urufnya oleh penjual walaupun pada hakikatnya pihak penjual akan menerimanya secara fizikal atau dimasukkan ke dalam akaunnya beberapa hari selepas transaksi berlaku.

- (13) Penyerahan barang belian (emas) hendaklah berlaku secara penyerahan hakiki ataupun kaedah muktabar yang boleh menggantikan penyerahan hakiki. Penyerahan barang belian yang muktabar akan membawa kesan sama seperti penyerahan hakiki, iaitu:
 - (a) Berpindah *dhaman* (tanggungjawab jaminan) daripada penjual kepada pembeli.
 - (b) Kemampuan pembeli untuk mendapatkan barang beliannya pada bila-bila masa tanpa ada halangan.
- (14) Majlis akad di dalam transaksi jual beli boleh berlaku dengan pertemuan secara fizikal, ataupun secara maknawi. Contoh majlis akad secara maknawi ialah ijab dan qabul melalui telefon, sistem pesanan ringkas (sms), email, faksimili dan lain-lain. Tetapi disyaratkan dalam semua bentuk majlis akad tersebut, hendaklah berlaku *taqabudh* ketika majlis akad, contohnya melalui penyerahan secara *wakalah*.

Perlu diberi perhatian bahawa majlis akad secara bertulis akan hanya bermula apabila ianya diterima oleh pihak yang berkontrak. Contohnya,

pembeli menandatangani akad jual beli dan kemudian menghantarnya melalui pos kepada penjual. Selepas tiga hari, akad tersebut sampai ke tangan penjual. Maka majlis akad bermula pada waktu tersebut, jika pihak penjual bersetuju, maka akad tersebut perlu disempurnakan oleh penjual dengan menandatangani, dan barang belian hendaklah diserahkan kepada pembeli secara hakiki atau *hukmi*.

Syarat Kedua: Secara Lani

- (15) Transaksi jual beli emas hendaklah berlaku secara lani dan tidak boleh dimasuki sebarang unsur penangguhan, samada dalam penyerahan harga atau dalam penyerahan emas.
- (16) Penangguhan penyerahan harga yang tidak dibenarkan adalah meliputi pembelian secara hutang secara keseluruhan atau pembelian secara bayaran ansuran. Perkara yang dibangkitkan dalam parameter 12 hendaklah diberi perhatian.
- (17) Kelewatan penyerahan emas yang melebihi tempoh tiga hari selepas akad jual beli dimeterai (sila ambil kira parameter 14 mengenai majlis akad) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Manakala kelewatan penyerahan emas dalam tempoh tiga hari, terdapat beberapa pandangan sarjana Islam.
 - (i) Ada pendapat yang membenarkan kelewatan tiga hari kerana tiga hari adalah tempoh maksimum dari sudut uruf perniagaan. Kelewatan ini yang diistilahkan sebagai T+2 masih lagi dianggap sebagai tunai, khususnya di dalam muamalah pertukaran matawang. Persoalannya, adakah emas juga boleh dianggap sama statusnya dengan pertukaran matawang? Jika pendapat ini dipakai, maka isu *daman* emas yang sudah menjadi milik pelanggan tetapi masih berada di dalam tangan penjual hendaklah diberi perhatian.
 - (ii) Ada pendapat yang tidak membenarkan kelewatan tiga hari, kerana di dalam urusan emas, kelewatan tiga hari bukanlah suatu uruf, berbeza dengan isu tukaran matawang asing.

Di dalam pertukaran matawang asing, tempoh T+2 diperlukan kerana ianya melalui proses tertentu yang melibatkan tempoh masa bekerja

yang berbeza antara negara, perpindahan wang elektronik, *clearing house* dan lain-lain lagi. Proses-proses yang disebut ini tidak terdapat di dalam perniagaan jual beli emas fizikal. Maka adalah tidak tepat untuk membuat *qiyas* ke atas proses pertukaran matawang asing.

Penulis lebih cenderung untuk mengambil pandangan (ii) di atas. Namun secara praktikal, sememangnya emas hanya akan diserahkan selepas bayaran yang dibuat (rujuk berbagai cara pembayaran dalam parameter 12), khususnya bukan secara tunai, dijelaskan oleh pihak bank kepada pembeli. Perkara ini biasanya akan mengambil masa sehingga 3 hari bekerja.

Jika pandangan ini yang diambil, maka penulis mencadangkan aturan berikut:

- (a) Pihak pembeli akan hanya membuat pesanan (*order*) kepada penjual dengan dinyatakan jenis dan berat emas yang ingin dibelinya. Pesanan ini akan disertai dengan pengiriman wang ke akaun penjual. Pada tahap ini, perkara berikut perlu diberi perhatian:
 - Pada peringkat ini, akad jual beli emas masih belum berlaku.
 - Wang yang berada di dalam akaun penjual masih lagi bukan milik penjual tersebut. Ianya masih milik pembeli dan disimpan sebagai amanah oleh penjual. Di dalam hal ini, adalah lebih baik jika satu akaun khas yang bersifat amanah (*trust account*) dibuka oleh penjual.
 - Emas masih lagi kekal menjadi milik penjual dan dia bertanggungjawab penuh ke atas emas milikannya itu.
 - Di dalam peringkat ini, pembeli masih boleh membatalkan pesanan yang dibuat dan penjual hendaklah memulangkan wang kepada pembeli. Namun, jika berlaku kerugian sebenar disebabkan pembatalan tersebut, bolehlah dibuat syarat bahawa ia perlu ditanggung oleh pembeli. Contohnya, pembeli membuat pesanan 100gm emas 999 dengan harga RM20,000. Ketika ini, pihak penjual telah menyimpan emas tersebut dan tidak menjualkannya kepada pihak lain yang telah bersedia untuk membelinya. Selepas tiga hari, apabila penjual bersedia untuk membuat akad jual beli dan seterusnya menyerahkan emas tersebut kepada pembeli, pembeli membatalkan pesannya. Pada hari tersebut harga

emas telah jatuh kepada RM19,000. Dengan kata lain, penjual akan kerugian RM1000 jika menjualnya kepada pihak lain. Di dalam hal ini, kerugian sebenar adalah sebanyak RM1000.

- (b) Apabila wang pesanan sudah diberi *clearance* oleh bank, maka akad jual beli perlu dilakukan. Wang di dalam *trust account* (jika ada) bolehlah dipindahkan ke akaun penjual dan emas hendaklah diserahkan kepada pembeli.

Akad dan Unsur Sampingan

- (18) Penglibatan *hibah* dalam transaksi jual beli samada *hibah* dalam bentuk barangan ataupun wang tunai adalah dibenarkan jika mencukupi syarat-syarat *hibah*, dan tidak melibatkan unsur-unsur yang bercanggah dengan Syarak. Perlu diberi perhatian bahawa *hibah* secara hakikatnya adalah akad sukarela dan ia bukanlah di dalam bentuk lazim. Dengan kata lain, jika janji *hibah* ini tidak ditunaikan oleh penjual, maka pembeli tidak boleh memaksanya memberi *hibah* tersebut.
- (19) Penglibatan *wadiah* dalam pelan pelaburan emas hendaklah menepati hukum hakam *wadiah*, yang antara lain ialah pegangan *wadiah* adalah berasaskan kepada *Yad Amanah*.
- (20) Seseorang yang membeli emas bebas mengendalikan (*tasarruf*) emasnya, termasuklah memberi pinjaman (*qardh*) kepada orang lain. Tetapi hendaklah memenuhi kriteria *qardh* yang dibenarkan Syarak, yang antara lain tidak boleh membawa unsur faedah, dan tidak wujud unsur '*salaf wa bay*' iaitu hutang yang diikat bersama dengan jual beli.
- (21) Seseorang yang membeli emas bebas mengendalikan (*tasarruf*) emasnya termasuk menjadikannya sebagai pajakan untuk mendapat wang secara hutang, selagi konsep *al-Rahn* yang digunakan adalah bertepatan dengan hukum Syarak. Namun secara teorinya, perkara ini seharusnya tidak digalakkan kerana secara tidak langsung ia menggalakkan aktiviti berhutang di dalam keadaan yang tidak perlu.

- (22) *Wa'd* boleh dimasukkan dalam pelan pelaburan emas, selagi mana ia adalah *wa'd* dari sebelah pihak dan bukannya *muwa'adah* dari kedua-dua belah pihak. Contoh aplikasi *Wa'd* dalam konteks ini ialah membuat *purchase order*, iaitu pelanggan membuat perjanjian untuk membeli emas dengan harga tertentu. Perjanjian pembelian ini dinamakan 'kunci harga'. Sekiranya proses 'kunci harga' adalah menyamai proses akad jual beli, ia tidak dibenarkan kerana akan berlaku penangguhan.

Unsur Yang Dilarang Dalam Urusniaga

- (23) Transaksi jual beli hendaklah bebas daripada unsur-unsur riba, perjudian, *gharar* yang berlebihan, dan kezaliman. Jika sekiranya terdapat unsur-unsur tersebut, transaksi jual beli adalah dikira tidak memenuhi kriteria syarak.



ISRA الأمانة العالمية للبحوث الشرعية
International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance

International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance
ISRA @ INCEIF (718736-K)
Lorong Universiti A
59100 Kuala Lumpur

Tel : + 603 7651 4200
Fax : + 603 7651 4242
Email : info@isra.my